

**PERANAN DAN PENGLIBATAN
WANITA MASYARAKAT PEKEBUN KECIL GETAH
DALAM BIDANG SOSIO-EKONOMI
(Satu Kajian Kes Di Kempung Genuang Baru Segamat, Johor)**

Oleh
No. Matrik 035988

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-Syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 1981/82

KANDUNGAN

Muka Surat

Daftar Kandungan	
Penghargaan	
Sinopsis	1
Bab I	
<u>LATARBELAKANG KAJIAN</u>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Tujuan Kajian	1
1.3 Bidang Kajian	3
1.4 Metode Kajian	6
1.5 Masalah Kajian	12
Bab II	
<u>PENGHURAIAN KONSEP DAN TEORI</u>	15
2.1 Penentuan Peranan	15
2.2 Peranan Wanita	20
2.3 Peranan Wanita Di bidang Ekonomi	23
2.4 Peranan Wanita Di bidang sosial	24
3.1 Pengertian Luarbandar	26
3.2 Pekebun Kecil Kampung Genuang Baru Sebagai Komuniti Luarbandar	28

Bab III

<u>LATARBELAKANG KAWASAN DAN RESPONDEN</u>	31
3.1 Latarbelakang Kawasan Kajian	31
3.1 (a) Kedudukan	31
(b) Ekologi	32
(c) Infrastruktur dan Kemudahan Sosial	33
(d) Pentadbiran	35
3.2 Latarbelakang Masyarakat	36
3.2 (a) Penduduk	36
(b) Ekonomi	37
(c) Sosial	40
(d) Kesihatan	42
3.3 Latarbelakang Responden	43
3.3 (a) Taraf Perkalwinaan Responden	43
(b) Umur Responden	45
(c) Pencapaian Pelajaran	46
(d) Saiz Keluarga	48
(e) Pendapatan	50

6.1 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglihatan	
Masa Di dalam Bidang Sains-Ekonomi	55

Bab IV**PERANAN DAN KEGIATAN WANITA DI BIDANG EKONOMI**

4.1	Bidang Ekonomi Bercorak Pertanian	56
4.2	Bidang Ekonomi Bukan Bercorak Pertanian	62
4.2 (a)	Perniagaan	62
(b)	Mengandam Pengantin	65
4.3	Pendapatan	66

Bab V**WANITA DAN KEGIATAN SOSIAL**

5.1	Wanita Di dalam Keluarga Dan Rumahtangga	71
5.2	Wanita Dan Jiran Tetangga	83
5.3	Wanita Di dalam Organisasi-organisasi Sosial	86
5.3 (a)	Persatuan Wanita Pekebun Kecil	87
(b)	Pertubuhan Wanita UNNO	94
(c)	Organisasi "Kutu"	95

Bab VI**FAKTOR-FAKTOR YANG MENGGALAK DAN MENCHALANG
PENGLIBATAN WANITA KAMPUNG GENUANG BARU DI DALAM
SOSIO-EKONOMI**

6.1	Faktor-faktor Yang Menggalak Penglibatan Wanita Di dalam Bidang Sosio-Ekonomi	99
-----	--	----

Bab VI

**FAKTOR-FAKTOR YANG MENGGALAK DAN MENGHALANG
PENGLIBATAN WANITA KAMPUNG GENUANG BARU
DALAM BIDANG SOSIO-EKONOMI**

97

6.1 Faktor-faktor Yang Menggalak Penglibatan

Wanita Dalam Bidang Sosio-Ekonomi

99

6.1 (a) Bidang Ekonomi

99

(b) Bidang Sosial

106

6.2 Faktor-faktor Yang Menghalang Penglibatan

Wanita Dalam Bidang Sosio-Ekonomi

108

Bab VII

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

111

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN PETA

LAMPIRAN SOALSELIDIK/"QUESTIONNAIRES"

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur kehadzrat Ilahi, berkat kesabaran dan semangat yang diberikan, pengkaji dapat menjalankan kajian luar dan seterusnya menyiapkan latihan ilmiah ini. Sejak dari menjalankan kajian luar sehinggalah siapnya latihan ilmiah ini, pengkaji telah banyak mendapat bantuan dan teguran dari beberapa pihak yang berkenaan. Justeru itu, pengkaji merasa begitu terhutang budi di atas bantuan, tunjuk ajar dan kerjasama mereka ini dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada semua:

1. Puan Mazidah Zakaria dan Encik Mohd. Razali Agus selaku penyelia latihan ilmiah ini yang telah banyak memberikan kritikan dan tunjuk ajar kepada pengkaji sehingga latihan ilmiah ini dapat dapat disiapkan.
2. Kekitangan Pejabat RISDA Segamat yang banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan bahan-bahan yang dikehendaki.
3. Encik Singah Abdullah serta keluarga yang telah bermurah hati dan sudi menerima pengkaji sebagai anak angkat semasa pengkaji menjalankan kajian luar.
4. Penduduk Kampung Genuang Baru serta responden-responden yang telah memberikan kerjasama mereka.

SINOPSIS

Penglibatan wanita di dalam pembangunan sosio-ekonomi memang sering diperkatakan, tetapi ianya lebih merupakan gambaran umum. Kajian-kajian yang bercorak pengkhususan adalah begitu sedikit bilangannya; oleh kerana itulah kajian ini mempuken perhatian kepada peranan dan penglibatan wanita masyarakat pekebun kecil getah dalam bidang sosio-ekonomi. Kajian luar untuk latihan ilmiah ini telah dijalankan di Kampung Genuang Baru, Segamat, Johor.

Sebagai menyenangkan perbincangan, latihan ilmiah ini di bahagikan kepada beberapa bab. Bab I sebagai pendahulunya menghuraikan tentang tujuan, bidang dan metode kajian, serta masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian luar dijalankan.

Penghuraian tentang teori dan konsep kajian yakni mengenai konsep peranan, luarbandar, masyarakat pekebun kecil getah serta huraian tentang peranan wanita dalam bidang sosio-ekonomi secara umum dibincangkan dalam bab II.

Sementara bab III pula adalah mengenai latarbelakang tempat kajian dan masyarakat yang dikaji, yakni disegi kedudukan, ekologi, kemudahan-kemudahan infrastruktur serta sosial, sistem pentadbiran serta bidang-bidang ekonomi dan sosial yang mereka ceburi. Bab ini juga membicarakan tentang latarbelakang responden-responden dengan penumpuan

terhadap umur, taraf pendidikan, saiz keluarga dan tingkat pendapatan keluarga responden-responden.

Bab IV membincangkan peranan wanita dalam bidang ekonomi secara khusus yakni penglibatan mereka dalam bidang ekonomi berbentuk pertanian dan bukan pertanian.

Bab V pula membincangkan tentang peranan wanita disegi sosial; yang merangkumi peranan berbentuk formal dan informal.

Sementara Bab VI memberikan penerangan kepada aspek-aspek positif dan negatif yang mempengaruhi penglibatan wanita di bidang sosio-ekonomi.

Bab VII merupakan rumusan keseluruhan kajian di mana dikaitkan antara "teori dan konsep" dengan "findings" yang didapati. Selain daripada itu dibicarakan juga peranan pihak RISDA dalam pembangunan sosio-ekonomi wanita masyarakat pekebun kecil getah ini.

BAB I

LATARBELAKANG KAJIAN

1.1 Pendahuluan

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian kes ke atas wanita di dalam masyarakat pekebun kecil getah di Kampung Genuang Baru, Segamat, Johor. Sebagai sebuah kajian ringkas, ia tidaklah memberikan penjelasan secara menyeluruh mengenai masyarakat pekebun kecil getah tetapi sebaliknya memberi penekanan dan penumpuan terhadap peranan serta penglibatan wanita masyarakat ini di dalam kegiatan ekonomi dan sosial.

1.2 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana wanita desa khususnya wanita di dalam masyarakat pekebun kecil sebagai satu kelompok di dalam masyarakat bertindakbalas kepada perubahan yang dirancang.

Selain daripada itu kajian juga melihat tingkat pencapaian wanita desa dari segi ekonomi dan sosial, dengan memumpukan perhatian terhadap usaha-usaha seperti berikut:

1. Projek-projek kemasyarakatan di sekitar, serta penglibatan wanita di dalamnya secara langsung

atau tidak langsung.

ii. Sumbangan mereka terhadap pembekalan tenaga buruh keluarga, pengeluaran pertanian dan pendapatan keluarga.

iii. Penglibatan di dalam bidang sosial

- samada formal atau tidak formal
- di dalam rumah atau di luar rumah

iv. Bagaimana mereka menggunakan "masa" di dalam menjalankan peranan-peranan tertentu.

Justeru itu melalui usaha-usaha ini dapatlah kita melihat sejauhmanakah kecergasan wanita di dalam bidang ekonomi dan sosial. Apakah mereka turut bertungkus-lumus bersama suami atau keluarga mereka untuk menambah pendapatan bulanan mereka atau terus menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada suami atau bapa sebagai "the sole breadwinner" keluarga.

Adalah didapati "masa" merupakan satu-satu yang berharga bagi manusia. Maka melalui kajian ini akan cuba dilihat penggunaan masa oleh wanita-wanita desa ini bagi memenuhi kegiatan-kegiatan formal atau tidak formal samada di dalam atau di luar rumah.

Selain daripada itu kajian juga bertujuan untuk melihat kesan dan akibat daripada peranan dan penglibatan yang berbagai kepada keluarga dan masyarakat setempat.

Bersama-sama ini juga, gambaran diberikan mengenai faktor-faktor yang menggalakan dan masalah-masalah yang menghalang kaum wanita bergerak cergas dalam aspek ekonomi dan sosial. Justeru itu dapatlah kita menerima atau menafikan kenyataan umum yang menyatakan bahawa peranan dan penglibatan wanita adalah terhad dan hanya layak bergerak di dalam lingkungan rumah tangga sahaja.

Walaupun telah terdapatnya beberapa kajian mengenai penglibatan wanita di dalam kegiatan ekonomi dan sosial samada bercorak tempatan dan kebangsaan, seperti tisis M.A. Puan Khadijah Haji Muhammad "Wanita Melayu dan Pekerjaan" (1969), kertas kerja Rafidah Aziz "Women Workers in the Rural Areas"¹ (1964),¹ tetapi didapati masih terlalu sedikit kajian kommiti mengenai peranan dan penglibatan wanita di dalam ekonomi dan sosial khususnya ke atas masyarakat pekebun kecil getah. Oleh kerana itulah dirasakan bahawa kajian ini sedikit sebanyak dapat menampung kekurangan pengetahuan mengenai peranan dan penglibatan wanita terutamanya di dalam masyarakat pekebun kecil getah di negara ini.

1.3 Bidang Kajian

Kajian ilmiah ini memberikan penekanan kepada peranan dan penglibatan wanita di dalam komuniti pekebun kecil getah di sebuah kampung di Segamat dan menitikberatkan kegiatan mereka di bidang ekonomi

¹Kertas kerja ini telah dibentangkan di dalam sidang pleno Seminar Biro Wanita UMNO pada 24 Ogos 1964.

dan sosial.

Oleh kerana latihan ilmiah ini adalah mengenai peranan dan penglibatan wanita desa maka perlulah diuraikan istilah-istilah "peranan wanita" serta "luarbandar", juga akan diuraikan mengenai konsep-konsep peranan dan penglibatan wanita ini di bidang ekonomi dan "social" mengikut perpektif luarbandar, yakni di dalam masyarakat pekebun kecil getah. Huraian mengenai konsep "luarbandar" pula akan dihubungkan dengan masyarakat pekebun kecil getah itu sendiri.

Di dalam kajian ini, wanita-wanita yang dipilih sebagai responden adalah mereka yang mempunyai perkaitan dengan kegiatan pertanian secara langsung atau tidak langsung. Bidang kajian juga ditumpukan kepada huraian mengenai latarbelakang tempat dan masyarakat yang dikaji. Latarbelakang responden akan diambil kira iaitu seperti angkubah-angkubah umur, taraf pelajaran, saiz keluarga dan juga kedudukan ekonomi keluarga.

Di bidang ekonomi, pengkaji telah melihat peranan dan penglibatan wanita-wanita ini di dalam kegiatan pertanian dan bukan pertanian. Didapati adalah perlu untuk melihat semada penglibatan mereka di dalam kedua-dua aspek ini secara langsung ataupun secara sambilan sahaja; di mana penglibatan cara ini mempengaruhi kedudukan pendapatan dan pemilikan keluarga.

Selain daripada itu penekanan di bidang sosial juga penting yakni yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti di dalam rumahtangga

dan di luar rumahtangga. Apa yang dimaksudkan aktiviti di dalam rumahtangga ini termasuklah soal-soal pengurusan rumahtangga mereka seperti memasak, mengemas rumah, mendidik anak-anak dan sebagainya lagi. Pengkaji juga melihat pembahagian masa yang dibuat oleh mereka selama 24 jam kepada kerja-kerja pengurusan rumahtangga dan kegiatan-kegiatan di luar rumahtangga serta penglibatan di dalam persatuan wanita khususnya Persatuan Wanita Pekabun Kecil (PWPK).

Sedikit sebanyak mengenai PWPK di kampung tersebut akan diterangkan juga oleh pengkaji untuk melihat sambutan mereka serta kegiatan ahli-ahlinya untuk menjayakan persatuan tersebut. Berhubung dengan hal ini, pengkaji akan meneliti tentang peranan dan penglibatan pihak RISDA dan KEMAS di dalam kegiatan PWPK serta sebagai faktor penggalak kepada penyertaan wanita di dalamnya.

Faktor-faktor yang membolehkan dan menghadkan penglibatan wanita di bidang sosio-ekonomi juga menarik perhatian pengkaji. Faktor-faktor ini dilihat samada ianya faktor penggalak wanita untuk melibatkan diri di dalam kegiatan sosio-ekonomi, menambahkan pendapatan keluarga ataupun hanya ingin berinteraksi dengan anggota-anggota masyarakat lainnya; atau sebagai faktor yang menghalang ataupun menyekat penyertaan dan penglibatan wanita di dalam kegiatan tersebut. Dalam hal ini pengkaji juga melihat tindakan dari pihak RISDA dan KEMAS dalam menggalakkan penglibatan wanita di bidang sosio-ekonomi luarbandar.

Pengkaji juga meneliti kesan-kesan atau akibat-akibat yang dapat dilihat hasil dari peraman dan penyertaan wanita di ladang tersebut iaitu dengan melihat kesan positif ataupun negatifnya. Akhirnya pengkaji menamatkan latihan ilmiah ini dengan memberikan rumusan mengenai kajian yang dijalankan pada keseluruhannya.

1.4 Metode Kajian

Dalam menjalankan kajian luar ini, pengkaji telah menggunakan berbagai metode kajian untuk mendapatkan maklumat dan data yang di perlukan. Pemilihan metode kajian ini penting dalam menjalankan kajian sosial kerana selalunya terdapat "response" yang berbeza antara satu-satu masyarakat itu. Perbezaan "response" ini selalunya bergantung kepada faktor-faktor seperti taraf pendidikan, sikap masyarakat dan juga perkara-perkara yang hendak dikaji. Oleh itu melalui penggabungan metode kajian secara teori dan kajianluar, pengkaji boleh mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih dekat dan jelas tentang perkara-perkara yang dikajinya.

Metode-metode yang telah digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

(1) Cara Pemilihan Responden

Pemilihan responden adalah penting dalam menjalankan kajian supaya ia benar-benar mewakili masyarakat atau bidang yang dikaji.

Dalam menjalankan kajian ini dapat dikatakan wanita yang dipilih sebagai responden itu telah mewakili keseluruhan wanita yang ada di dalam komuniti pekebun kecil ini; kerana daripada 37 buah rumahtangga, pengkaji telah bertembual dengan 35 orang wanita yang tiap-tiap seorangnya mewakili sebuah rumahtangga. Bagi pengkaji bilangan ini telah memadai untuk mewakili keseluruhan wanita di dalam komuniti tersebut kerana latarbelakang dan jenis kegiatan yang dilakukan mereka adalah sama antara satu sama lain.

Kajian ilmiah ini adalah merupakan satu peninjauan ke atas peranan dan penglibatan kaum wanita di dalam bidang ekonomi dan sosial. Oleh itu semua responden adalah terdiri daripada kaum wanita, dan wanita yang dijadikan sampel itu adalah terdiri dari mereka yang telah berumahtangga dan juga mereka yang belum berumahtangga dan juga mereka yang belum berumahtangga kerana golongan ini juga memainkan peranan serta terlibat di dalam bidang tersebut, asalkan sahaja pekerjaan suami atau bapa mereka mempunyai hubungan dengan pertanian yakni pekebun kecil getah.

Selain daripada itu pengkaji juga tidak ketinggalan menemuramah beberapa orang penduduk lelaki kampung tersebut serta pegawai-pegawai yang berkaitan dengan persatuan wanita bagi mendapatkan pendapat mereka mengenai kegiatan wanita di kampung tersebut di bidang sosio-ekonomi.

(ii) Soalselidik

Pengkaji telah menggunakan jadual dan soalselidik yang telah disediakan oleh pihak RISDA (sila lihat lampiran di belakang), di samping mengubahsuaiakan mana-mana yang perlu supaya ianya bersesuaian dengan kajian ilmiah pengkaji. Kedua-dua cara ini adalah alat yang penting untuk menjalankan kajian dan mendapatkan data.

Nelalui kedua-dua cara ini pengkaji menyoal soalan-soalan yang telah disediakan dan kemudiannya mencatatkannya sendiri jawapan-jawapan yang diberikan responden. Pengendalian seperti ini dapat mengelakkan daripada berlakunya kesulitan tentang pemahaman responden terhadap soalan-soalan tersebut serta mengelakkan daripada berlakunya kehilangan dan kurang ambil beratnya responden terhadap soalselidik.

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji kepada responden terdiri daripada dua bentuk iaitu soalan "structured" atau soalan tertutup dan "unstructured" atau soalan terbuka.

Soalan tertutup merupakan bentuk-bentuk soalan yang mana telah disediakan jawapan untuk dipilih oleh responden. Soalan jenis ini selalunya dikemukakan untuk mengetahui latarbelakang responden disegi pelajaran, umur kedudukan ekonomi dan lain-lain keterangan yang dapat diperturunkan dalam bentuk jadual bagi menjelaskan keadaan tertentu.

Sementara soalan terbuka pula adalah bentuk soalan dalamana pendapat atau idea-idea responden diperlukan. Festinger dan Katz

menyatakan soalan terbuka adalah:

"..... in which the topic given is structured for respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring answers as he sees fit and speak at whatever length"

(dipetik dari Festinger dan Katz, 1953: 351)

(iii) Tambual (Informal Interview)

Pemilihan metode ini adalah berdasarkan keperluan untuk melengkapkan maklumat-maklumat dan data-data yang dikehendaki tetapi tidak dapat dipemhikan oleh "questionnaires." Dengan membiarkan mereka yang berkenaan memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara secara informal kadangkala mereka akan memberikan maklumat yang berkeungkinannya tidak akan dikeluarkan secara sedar.

Selain daripada responden, melalui cara ini juga pengkaji menambual Ketua Kampung, pegawai-pegawai RLSDA (umam dan wanita), Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung serta penduduk kampung yang lain untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai peranan wanita dan perkara-perkara tertentu yang lain.

Selain daripada itu, melalui perbualan begini sedikit sebanyak telah dapat mengujudkan hubungan yang mesra di antara pengkaji dengan responden juga ahli-ahli masyarakat yang lain, di mana situasi begini adalah diperlukan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat.

"Informal interview" ini dapat dikatakan lebih "flexible" dalam ertikata pengkaji tidak perlu menekan atau mendesak responden untuk menjawab dalam sesuatu perkara (seperti dalam soal selidik) hanya membiarkan mereka terus bercakap sahaja dengan bebas. Dengan itu sedikit sebanyak responden mungkin memberikan maklumat dan pendapat sendiri yang mungkin tidak dapat dikeluarkan atau dilakukan melalui jawapan-jawapan kepada soalan-soalan "questionnaires".

(iv) Pemerhatian

Metode ini dianggap penting di dalam membuat sesuatu kajian sebagaimana pendapat Salitiz:

"..... observation is not only one of the most pervasive acts of daily life, it is a primary tool of scientific inquiry....."

(dipetik dari Salitiz, 1959: 200)

Metode ini penting untuk melengkapi kedua-dua metode soal selidik dan "informal interview", di samping dapat membuktikan dan menguatkan lagi kebenaran jawapan dari responden. Selain daripada itu pemerhatian juga dapat digunakan untuk menjawab perkara-perkara yang boleh dianggap sensitif oleh responden.

Pemerhatian dibuat ke atas gerak laku wanita di dalam masyarakat ini untuk memahami dengan lebih lanjut tentang keadaan, kedudukan dan aktiviti mereka, juga cara ini dapat memberi gambaran dengan lebih jelas bagaimana kaum wanita menjalankan kerja-kerja mereka, cara dan

kecekapan bekerja.

Semasa kajian dijalankan, pengkaji telah menginap di rumah ibu dan bapa angkat. Pada mulanya pengkaji telah dikehendaki menginap di rumah beberapa orang penduduk yang merupakan responden di kampung tersebut; akan tetapi oleh kerana mereka menghadapi masalah kekurangan air, cadangan ini telah mereka batalkan dan membenarkan pengkaji menginap di sebuah rumah sahaja yakni di rumah ibu dan bapa angkat pengkaji di kampung ini semasa kajian dijalankan.

Walaupun begitu pengkaji amat berbesar hati apabila beberapa orang responden (kebanyakannya) gadis-gadis dan ahli-ahli PWPK) telah memelawa pengkaji tinggal bersama-sama keluarga mereka. Jadi untuk melicinkan kerja pengkaji, maka untuk dua minggu pertama (23.3.1981 - 8.4.1981), pengkaji telah menginap di rumah ibu dan bapa angkat, tetapi di minggu ketiga (8.4.1981 - 14.4.1981), pengkaji telah menetap tinggal bersama-sama empat orang responden yang lain untuk satu atau dua malam bagi sesebuah rumahtangga.

Bagi pengkaji, peluang dapat menetap bersama beberapa orang responden dan keluarga mereka adalah cara yang paling baik sekali dalam menjalankan kajian ini kerana pengkaji dapat melibatkan diri bersama-sama mereka dalam segala aktiviti yang mereka lakukan khususnya di dalam rumah. Dan diketika inilah pengkaji dapat memerhatikan aktiviti mereka ^{ada} sama di waktu siang ataupun malam, juga keadaan dan rumahtangga mereka.

Dari metode-metode yang digunakan tadi, dapatlah dikatakan
ianya bertentangan di mana tiap-tiap satu menolong melengkapi
antara satu sama lain.

(v) Rujukan Kepada Bahan-bahan Terkumpul (Library Research)

Metode ini adalah untuk membuat rujukan kepada bahan-bahan
bertulis untuk mendapatkan sedikit sebanyak tentang teori dan konsep
yang digunakan di dalam latihan ilmiah ini. Metode ini juga berkepentingan
untuk mendapatkan gambaran secara perbandingan dari kajian-kajian sebelum-
nya mengenai kedudukan dan peranan wanita; di samping ianya dapat
memberikan sedikit sebanyak latarbelakang mengenai masyarakat pekebun
kecil getah.

1.5 Masalah Kajian

Dalam mana-mana kajian pun, tentulah sedikit sebanyak
pengkajinya akan menghadapi masalah, tambahan pula jika pengkaji
tersebut terpaksa berdamping rapat dan berhubungan dengan satu-
satu komuniti ataupun masyarakat yang asing baginya.

Masalah yang paling ketara sekali ketika pengkaji menjalankan
kajian di Kampung Genuang Baru adalah kedudukan rumah-rumah responden
yang agak jauh letaknya di antara satu sama lain; di mana jarak
kebanyakan rumah-rumah responden adalah antara 18.18 hingga 45.45 meter
jarak jauh antara sebuah rumah dengan rumah lainnya sedikit sebanyak
mengganggu kelicinen penyelidikan pengkaji, ditambah pula dengan

keadaan jalan yang berbukit-bukit di mana ia memerlukan masa yang lebih daripada biasa.

Selain daripada itu, pengkaji juga menghadapi masalah masa untuk menemui responden-responden. Ini disebabkan responden-responden yang kebanyakannya mengambil upah menoreh di estet bekerja di waktu pagi hari maka mereka hanya dapat ditemuduga di sebelah petangnya. Akan tetapi bagi responden yang melibatkan diri dengan aktiviti persatuan wanita (PWPK) pula, pengkaji terlebih dahulu mestilah membuat penentuan waktu untuk bertemu mereka. Ini diperlukan kerana pertemuan atau temubual yang diadakan di rumah adalah lebih bermakna kerana di samping menemubual mereka, pengkaji dapat pula menjalankan pemerhatian ke atas rumahtangga mereka. Oleh kerana sebab-sebab ini, bilangan responden yang dapat ditemuduga dalam sehari adalah terhad.

Pengkaji tidak dapat menjalankan temubual di waktu malam kerana penduduk di kampung tersebut didapati masuk tidur agak awal. Keadaan seperti ini adalah disebabkan mereka terpaksa bangun awal di esok harinya antara jam 4.00 - 5.00 pagi untuk ke tempat kerja; dan ditambah pula dengan ketiadaan bekalan api letrik yang menghadkan kegiatan di malam hari.

Bahasa juga kadangkala menimbulkan kesulitan kepada pengkaji kerana selalunya di dalam majlis-majlis, kenduri-kenduri yang dihasiri oleh pengkaji; penduduk-penduduk yang berketurunan Jawa ini lebih gemar bertutur di dalam dialek Jawa. Pengkaji sebenarnya bukanlah ingin mengintip apa yang dipercekapkan mereka, tetapi sedikit sebanyak pengkaji

ingin juga melibatkan diri di dalam perbualan tersebut.

Dalam menjawab beberapa soalan khususnya soalan yang berkehendakan pendapat daripada responden, kadangkalanya jawapan ini dipengaruhi oleh anak-anak ataupun ibu responden. Gangguan-gangguan seperti ini telah menyebabkan pengkaji mendapat data yang samar-samar. Oleh itu pengkaji terpaksa pula membuat penyelidikan yang berasingan ke atas responden-responden yang sama di lain-lain masa yang sesuai untuk memperoleh data yang tepat. Ini menjadikan pengkaji telah mengalami kerugian masa yang begitu diperlukan untuk kelicinan pengkajian tersebut.

Selain daripada itu pengkaji juga telah menghadapi masalah rasa malu dan rendah diri di kalangan pihak responden untuk memberikan jawapan dalam beberapa soalan yang berkaitan dengan peribadi mereka. Terdapat juga responden yang tidak dapat mengingati umur sendiri, taraf persekolahannya dan lain-lain hal yang bersebit dengan keluarga. Keadaan seperti ini telah memungkinkan data-data yang didapati adalah kurang tepat.

BAB II

PENGHURAIAN KONSEP DAN TEORI

Di dalam memahami kajian ilmiah ini, seeloknyalah terlebih dahulu diuraikan mengenai konsep dan teori yang digunakan. Penghuraian teori dan konsep ini kemudiannya akan dikaitkan dengan peranan dan penglibatan wanita di bidang ekonomi dan sosial yang mana dilihat pada sudut wanita luar bandar khususnya wanita masyarakat pekebun kecil getah.

A (1.1) Penentuan "peranan"

Secara umumnya peranan dapat dikatakan sebagai perlakuan individu di dalam menjalani kehidupannya. Peranan ini selalunya merangkumi hak-hak dan tanggungjawab. Maka kerana adanya hak dan tanggungjawab inilah, peranan kadangkalanya menunjukkan status seseorang. Oleh itu, peranan dan status adalah berkait rapat. Apabila seseorang menerima status baru, maka akan bermilalah peranan atau role yang baru. Contohnya seorang gadis apabila telah berkahwin akan menjalankan peranan baru yakni sebagai seorang isteri. Oleh itu, didapati peranan ini akan berterusan dilakukan walaupun status itu sering bertukar. Pengertian "peranan" ini dapat juga dirujuk dari definisi "role" oleh Amos H. Hawley; iaitu:

"a routinely performed activity which depends

for its continuity on the routine performance of other activities."

(dipetik dari Wallace, 1980: 225)

Michael Banton (1968) pula membahagikan "peranan" kepada tiga bahagian iaitu peranan asas (basic role), peranan umum (general role) dan peranan bebas (independent role). Peranan asas selalunya ditentukan oleh sifat-sifat semulajadi manusia seperti umur dan jantina sebagaimana kata Banton:

".... usually ascribed to people at birth by fixed criteria which are independent of individual merit, such as the criteria of sex and descent, or the seniority of age, which every individual acquires with passage of time."

(dipetik dari Banton, 1968: 40)

Sementara peranan umum (general role) pula berkaitan dengan aktiviti seseorang tanpa mengambil kira umur ataupun jantina. Peranan ini selalunya mengikut kelayakan individu tersebut dan ianya berhubungan dengan "moral order" sesuatu masyarakat seperti di bidang keagamaan dan politik. Manakala peranan bebas (independent role) hanya timbul apabila individu tersebut sedang menjalankan sesuatu tugas di ketika itu; pekerjaan di dalam sehari misalnya memerlukan individu tersebut menunjukkan peranan bebas. Apabila selesai pekerjaan tersebut, individu itu tidak lagi dikehendaki menunjukkan peranan tersebut. Peranan jenis ini boleh dilakukan dan ditinggalkan dengan senang apabila dikehendaki, yakni mengikut situasi keadaan dan tempat. Seorang guru misalnya menunjukkan peranannya sebagai guru ketika di sekolah, dan

akan mengenyipkan peranan tersebut bila bersama-sama keluarga atau kawan-kawannya. Sementara itu terdapat sarjana menyatakan adanya jenis peranan di dalam hubungan kekeluargaan yang mana peranan ini selalunya berpasangan, misalnya ibu mertua dan menantu lelaki, di mana perilakunya terhadap menantu lelaki tersebut hanya merangkumi di dalam perannya sebagai seorang ibu mertua.

Dua aliran pemikiran utama telah dikemukakan oleh sarjana Antropologi dalam menentukan peranan wanita. Friedl, Ernestine, dalam bukunya Women and Men, An Antropologist's View (1975) telah menyarankan dua pendapat dalam penentuan peranan wanita iaitu penentuan oleh aspek semulajadi atau biologikal (biological aspect) dan penentuan alam sekeliling (environmental aspect) yang dikaitkan dengan sistem sosio-budaya sesebuah masyarakat itu.

Aliran pemikiran yang berorientasikan biologi misalnya, menyarankan bahawa perbezaan disegi biologi dan psikologi di antara wanita dan lelaki adalah sebab-sebab penting dalam pembahagian tugas-tugas dan hak-hak di kalangan wanita dan lelaki dalam semua masyarakat. Oleh kerana terdapatnya perbezaan daripada faktor-faktor genetik ini maka berlakulah garis perbezaan yang nyata antara peranan yang dilakukan oleh wanita dan lelaki; dan pembahagian tugas yang berdasarkan jantina dan umur ini adalah satu perkara universal yang terdapat dalam masyarakat primitif, di mana aktiviti-aktiviti memburu, membina tempat kediaman biasanya dieifatkan sebagai "masculine", manakala aktiviti-aktiviti yang melibatkan penjagaan anak, memasak pertukangan tangan

dan kerja-kerja yang melibatkan rumahtangga dianggap sebagai "feminine."
(Seward, 1970: 4) Laws dalam bukunya "The Second X, Sex Role and Social Role" juga telah memberikan saranan yang serupa dengan menyatakan:

"This complex of roles constitutes the normal expectation for adult women in our society - or "the" female sex role. Sex role ideology specifies different ways for women and men to participate in all institutional spheres of society."

(dipetik dari Laws, 1979: 86)

Oleh kerana itu kanak-kanak lelaki dan perempuan telah dilatih dan dididik sejak kecil untuk memperlihatkan pola-pola perlakuan yang bersesuaian dengan jantina masing-masing. Dari itu peranan wanita adalah lebih bersifat domestic iaitu dalam lingkungan rumahtangga kerana kerja-kerja ini dianggap ringan berbanding dengan kerja-kerja di luar rumah yang dianggap berat. Maka di sini dapatlah dikatakan bahawa peranan wanita yang utama dan ideal ialah dalam pengurusan rumahtangga dan keluarganya. Ini adalah kerana peranan sebagai ibu yang menentukan corak kehidupan seseorang wanita itu, dan juga merupakan faktor yang penting dalam memahami peranan sosialnya.

Asas sosio-budaya dan alam sekeliling yang diambil kira dalam penentuan "peranan" ini dapatlah dihubungkan dengan perubahan yang berlaku di dalam bidang sosio-ekonomi serta perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat terhadap kaum wanita Holter di dalam buku Mednick, *Women and Achievement* (1975), dan Friedl (1975) menyatakan bahawa dengan berlakunya perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat

terhadap kaum wanita telah membenarkan kaum wanita melakukan sebahagian daripada pekerjaan yang dibutunya hanya dilakukan oleh kaum lelaki. Justeru itu sikap memandang rendah terhadap kaum wanita mulai disingkirkan oleh masyarakat.

Aliran pemikiran ini sebenarnya telah menolak pandangan bahawa ciri-ciri fizikal dan "emotional" yang ujud secara semula jadi dalam diri wanita adalah sebagai penghalang penglibatan mereka di dalam berbagai hubungan sosial dan aktiviti luar rumah. Jadi apa yang penting di sini sebenarnya adalah bergantung kepada wanita itu sendiri dalam menilai peranan yang patut dan perlu dimainkannya sebagai seorang anggota masyarakat tersebut.

Harriet Holter dan Lois Wladis di dalam Mednick Women and Achievement (1975) juga telah menambah penerangan-penerangan tentang perubahan dalam peranan wanita dewasa ini dengan menyatakan bahawa perubahan dalam peranan wanita adalah dipengaruhi oleh perubahan teknologi, sebagai contoh meluaskan penggunaan alat-alat perancang keluarga serta penggunaan makanan-makanan tin di kalangan suri rumah tangga yang banyak menolong memudahkan kerja-kerja memasak. Tambahan teknologi di dalam "fertility" ini telah menyebabkan jumlah anak bagi kebanyakan pasangan suami isteri telah berkurangan berbanding dengan pasangan di masa-masa dahulu; seterusnya menjadikan wanita-wanita mempunyai lebih banyak masa untuk ditumpukan kepada hal-hal yang dapat memperbaiki taraf hidup mereka. Maka tidak hairanlah jika di negara-negara perindustrian misalnya, kebanyakan wanita-wanita yang bekerja

mempunyai bilangan anak yang kurang berbanding dengan wanita yang tidak bekerja (Mednick, 1975: 104)

Kedua-dua Holter dan Hoffman juga menyebut bahawa pencapaian pelajaran tinggi di kalangan wanita adalah juga sebab-sebab yang mengubah pandangan dan sikap masyarakat terhadap peranan dan status kaum wanita. Wanita, jika dahulunya melakukan peranan yang diberikan tanpa banyak soal, tetapi dengan pelajaran yang diterima telah menimbulkan kesedaran kepada mereka untuk meneliti dan menilai setiap peranan yang diberikan.

Oleh kerana itulah, maka didapati seseorang wanita itu mempunyai banyak peranan yang mesti dimainkannya dan hanya ditentukan oleh situasi dan tempatnya samada dilakukan di tempat "public" atau "private." Justeru itu akan terdapatlah seorang wanita itu yang akan memainkan berbagai peranan iaitu sebagai isteri, ibu dan guru misalnya, jika wanita ini juga mempunyai sesuatu kemahiran, mungkin beliau akan menjadi tukang endam misalnya. Jadi akan didapati seseorang wanita itu akan memainkan tiga atau empat peranan di dalam kehidupannya di tempat dan situasi yang berbeza.

A(1.2) Peranan Wanita

Jika didasarkan kepada penentuan peranan wanita secara umum, sememangnya penentuan tersebut bergantung kepada dua faktor asas iaitu faktor biologikal dan faktor alam sekeliling yang berkaitan dengan sosio-budaya. Mengikut nilai-nilai masyarakat, wanita dianggap

sebagai makhluk yang lemah maka tugas-tugas yang diberikan adalah tugas-tugas ringan yang bersesuaian dengan tenaga fizikalnya iaitu tugas rumahtangga.

Jika dilihat di dalam lingkungan masyarakat Melayu yang memberi kepentingan kepada wanita Islam, peranan wanita lebih menentukan daripada peranan kaum lelaki dalam berbagai hal. Saranan ini dapat dirujuk kepada hadis Nabi Muhamad S.A.W. yang membawa erti:

"..... bahawa wanita adalah tiang negara, jika wanita baik, maka negara akan jaya, dan jika wanita rosak, negara akan hancur."

(dipetik dari Dr. Zakiah Daradjat, 1977: 9)

Dalam kehidupan masyarakat misalnya, jika wanitanya maju, tampil ke hadapan dan bersemangat dalam pembangunan, maka sudah pasti masyarakat akan segera merasa hasil positif dari kegiatan wanita yang merupakan separuh dari jumlah masyarakat tersebut.

Berdasarkan asas biologikal dan pandangan Islam juga, peranan wanita Islam yang utama adalah sebagai isteri dan ibu. Jadi walaupun seseorang wanita itu bekerja di luar rumah tetapi tugas utamanya sebagai isteri dan ibu tidaklah boleh diabaikan. Peranan wanita sebagai isteri adalah penting kerana kebahagiaan atau kesengsaraan yang terjadi dalam kehidupan keluarga banyak ditentukan oleh isteri. Isteri yang bijaksana dapat menjadikan rumahtangganya sebagai tempat yang paling aman dan menyenangkan bagi suami dan keluarganya. Tugas isteri

memerlukannya menjadi seorang yang serba boleh; ia pengasuh dan pendidik, kekasih, pelayan, pegawai perhubungan dan kadang-kadang menjadi pentadbir belanjawan, setiusaha dan penasihat suaminya. (Azizah Kassim, Wanita April 1978: 36). Nabi Muhamad S.A.W. menegaskan bahawa isteri yang baik merupakan salah satu sumber kebahagiaan.

Wanita yang memainkan peranan sebagai ibu pula terpenting dalam keluarga kerana sebagai pembina utama bagi keperibadian anak-anaknya. Adalah dapat dilihat bahawa pada tahun-tahun awal dari pertumbuhan anak-anak itu, mereka lebih berhubungan dengan ibunya daripada bapanya. Ini menjadikan pengalaman apapun yang didapati oleh anak melalui ibunya akan terkumpul semuanya menjadi sebahagian terbesar dari keperibadiannya kelak. Apabila telah besar, keadaan masyarakat dan alam sekitar pula akan mempengaruhi keperibadiannya, maka dengan kebijaksanaan ibunya yang akan membantu si anak untuk memilih pengaruh yang baik dan menghindarkan yang tidak baik. Dalam agama Islam kedudukan ibu menepati tempat yang sangat tinggi, bahkan dikatakan oleh Nabi Muhamad S.A.W. sebagai berikut:

"Syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu"

(lihat Dr. Zakiah Daradjat, 1977: 8)

Mengikut asas alam sekitar yang berkaitan dengan sosio-budaya pula, sebagaimana yang dikatakan oleh Friedl (1975), Hoffman dan Holter di dalam Mednick (1975), tidak semestinya peranan wanita peranan-wanita itu hanya mengikut asas biologikal sahaja; kerana telah didapati adanya berbagai peranan yang dimainkan oleh seseorang wanita itu. Perubahan

sikap dan pandangan masyarakat perubahan dalam teknologi dan pencapaian pelajaran tinggi telah menjadi sebab utama kepada perubahan dalam peranan yang dimainkan oleh wanita. Di dalam lingkungan rumahtangga, seorang wanita itu akan memainkan peranan sebagai isteri dan ibu, tetapi di luar daripada rumahnya, beliau adalah seorang pekerja pejabat dan berkemungkinan juga menjadi pemimpin bagi mana-mana kesatuan. Oleh kerana berlakunya perubahan-perubahan ini di mana wanita telah memainkan berbagai peranan maka tidaklah dapat dikatakan bahawa wanita hanya memainkan peranan di dalam lingkungan rumahtangga sahaja.

A (1.3) Peranan Wanita Di bidang Ekonomi

Kebanyakan orang menganggap bahawa kaum lelakilah yang memainkan peranannya di bidang ekonomi kerana kerja-kerjanya dilakukan di luar lingkungan rumahtangga, contohnya sebagai petani ataupun nelayan. Akan tetapi dengan berlakunya perubahan di bidang ekonomi dan sosio-budaya, kaum wanita telah pun menceburkan diri mereka di bidang ekonomi sebagai buruh bergaji. Sebenarnya wanita telah lama bergiat di bidang ekonomi, tetapi mereka lebih merupakan buruh tanpa gaji yang hanya menolong suami mereka di dalam sesuatu pekerjaan. Dalam masyarakat pra-industri misalnya, isteri bukan sahaja bertani dan berternak, ia juga memproses makanan, pakaian dan alat-alat kegunaan harian. Kalau bersawah, isterilah yang mengirik padi, menganginnya, menjemur, menumbuk, menampi hinggalah memasak nasi, menghidangkan dan seterusnya membasuh periuk belanga. Isteri juga menjahit, menenun dan juga membuat tikar atau bakul. Kebanyakan wanita di zaman ini walaupun mempunyai tugas

Jika di bidang ekonomi dilihat tentang peranan wanita sebagai

yang berat terhadap rumahtangga tetapi masih mampu menjalankan kerja-kerja di luar rumahtangga sebagai satu cara untuk menambahkan pendapatan menyara keluarganya walaupun sebenarnya suami yang bertanggungjawab mencari pendapatan keluarga.

Peranan di bidang ekonomi untuk menambahkan pendapatan di luar rumahtangga ini tidak sahaja berlaku di kawasan bandar tetapi juga di luarbandar. Di Kampung Genuang Baru misalnya, terdapat lebih kurang 57% responden yang bekerja menoreh di estet bersama-sama suami mereka manakala 14% responden lagi menoreh ataupun membantu suami mereka menoreh di ladang sendiri. Di samping kerja-kerja ini dan urusan rumahtangga terdapat pula sebilangan kecil responden yang menjalankan kerja-kerja sambilan seperti berniaga kueh mueh di pasar minggu atau dihantar ke kedai runcit sebagai satu cara lain menambah pendapatan keluarga. Pendapatan yang tidak seberapa ini diharapkan dapat membantu suami mereka dalam soal-soal perbelanjaan keluarga. Apa yang mereka lakukan ini menunjukkan betapa gigihnya mereka bekerja untuk menghadapi kehidupan sebagai anggota di dalam masyarakat pekebun kecil getah; mereka tidak hanya menyerah bulat-bulat kepada suami untuk mencari pendapatan tetapi sama-sama bertungkusiumus mencarinya. Adalah didapati kebanyakan barang-barang mewah seperti peti televisyen, kerusi set dan sebagainya yang dipunyai oleh keluarga tersebut adalah dari kongsi pendapatan suami dan isteri.

A (1.4) Peranan Wanita Di Bidang Sosial

Jika di bidang ekonomi dilihat tentang peranan wanita sebagai

tenaga pembantu menampung pendapatan keluarga dengan kerja tetap atau kerja-kerja sambilan yang dilakukannya; di bidang sosial pula akan dilihat mengenai perlakuan dan perhubungan mereka di luar ataupun di dalam lingkungan rumahtangga. Dalam kata lain, peranan wanita di bidang sosial adalah tertakluk dalam konteks bagaimana mereka mengujudkan perpaduan di dalam keluarga dan masyarakat.

Sekiranya di dalam rumahtangga, wanita tersebut mungkin memainkan peranan sebagai kakak, isteri ataupun ibu, maka perhubungan mereka dengan anggota keluarga adalah mengikut status-status ini.

Akan tetapi di luar rumahtangga pula, peranan mereka tidaklah menuruti status di dalam lingkungan keluarga tetapi lebih merupakan perhubungan dan pergaulan antara jiran dengan jiran, serta juga penyertaan mereka di dalam mana-mana persatuan formal ataupun tidak formal.

Persatuan formal adalah mana-mana perkumpulan wanita yang didaftarkan dan mempunyai perlembagaan, selalunya perkumpulan ini adalah merupakan kesatuan yang besar dan ramai ahlinya; contohnya seperti Perkumpulan Perempuan (WI), Pergerakan Wanita UMNO dan sebagainya. Kesatuan tidak formal pula selalunya tidak mempunyai ramai ahli dan ditubuhkan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti untuk bergotong-royong, mengumpul wang dan lain-lain lagi; antara contohnya seperti Kumpulan Yassin, Kumpulan Kompang dan sebagainya. Melalui perhubungan dan pergaulan wanita inilah dapat diujudkan perpaduan antara mereka di samping dapat sama menyatupadukan masyarakat.

Bagi kaum wanita Kampung Genuang Baru, peranan mereka di bidang sosial ini tidaklah berlainan sebagaimana wanita lain. Jika di rumah mereka memainkan peranan sebagai ibu, isteri ataupun kakak yang melayani, mendidik anggota keluarga di samping menguruskan rumahtangga. Akan tetapi walaupun sibuk dengan soal-soal rumahtangga tetapi mereka masih mampu bergiat di dalam kesatuan-kesatuan yang ada di kampung tersebut seperti PWPK, Wanita UMNO dan Kumpulan Kampung di samping berinteraksi dan bergaul mesra dengan para jiran tetangga.

B (1.1) Pengertian "Luarbandar"

Dua aspek yang terpenting dalam melihat tamaddun manusia ialah bandar dan luarbandar. Kedua-dua aspek ini sering melengkapkan dan sifat ini timbul oleh hakikat bahawa penduduk-penduduk luarbandar adalah sebahagian daripada mereka yang mendukung satu-satu tamaddun tertentu. Penduduk bandar dan luarbandar pula berkongsi satu cara hidup yang sama tetapi yang membezakan mereka adalah keadaan sosial yang berlainan.

Jika dilihat disegi kuantitatif yang mempunyai kaitan dengan soal-soal pentadbiran, penggunaan bandar dan luarbandar adalah berasaskan kepada bilangan manusia dan hubungannya dengan kawasan. Tempat yang ramai penduduk dikatakan bandar manakala petempatan yang bilangan penduduknya berkurangan dari bandar dikatakan sebagai luarbandar. Di Malaysia misalnya, kawasan luarbandar mengikut tafsiran banci 1970 ialah kawasan-kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang

kurang daripada 10,000 orang.

Dari beberapa penulisan bercorak sosiologikal, terdapat beberapa ciri yang mendefinisikan istilah luarbandar. Secara umumnya dikatakan luarbandar adalah kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang rendah, bilangan penduduk yang kecil serta berada di dalam keadaan yang agak terpencil. Asas ekonomi penduduk luarbandar adalah pengeluaran hasil pertanian ataupun nelayan. Cara hidup penduduk luarbandar dikatakan seragam, dan cara hidup begini memperlihatkan perbezaan yang nyata dengan lain-lain sektor di kawasan itu khususnya cara hidup di bandar. Perbezaan begini timbul akibat dari perbezaan sub-culture, dan digambarkan melalui berbagai cara seperti sikap, gerakbalas dan mungkin juga melalui pakaian dan pertuturan.

Selain daripada itu, pengertian luarbandar dapat juga dilihat dari tiga aspek penting, sebagaimana yang dikemukakan oleh Kurlesky (1965) iaitu:

- a. Aspek persekitaran
- b. Aspek pekerjaan
- c. Aspek sosio-budaya

Aspek persekitaran ini melihat taburan penduduk dalam ruang dalam penggunaan yang simple. Luarbandar dikatakan mempunyai bilangan penduduk yang kecil atau kepadatan penduduk yang rendah.

Disegi pekerjaan pula, luarbandar selalunya merujuk kepada

penduduk yang terlibat dengan pertanian secara dominant ataupun primary. Jika terdapat lain-lain pekerjaan, maka ianya dianggap secondary. Oleh itu dikatakan bahawa pertanian adalah sebagai satu cara hidup dan perusahaan.

Luarbandar dari aspek sosio-budaya dikatakan bercorak tradisional, lambat menerima perubahan dan amat tebal dengan sifat-sifat kedaerahan serta berserah kepada nasib. Masyarakat luarbandar adalah bersifat homogenous, berada di dalam ruang stratifikasi sosial yang kecil serta tiadanya pengkhususan tenaga yang minima. Anggota-anggota masyarakat luarbandar ini didapati berhubung secara bersamada.

B (1.2) Pekebun Kecil Kampung Genuang Baru Sebagai
Komuniti Luarbandar

Apakah pengertian luarbandar sebagaimana yang dinyatakan bersamaan atau tidak disegi kenyataan sebenar akan dilihat dengan merujuk kepada pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru.

Menurut Undang-undang Malaysia (85) 1972, Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, pekebun kecil atau "smallholder" adalah:

"..... the owner or lawful occupier or lawful representative of the owner or lawful occupier of any land of an area of less than one hundred acres, which is included in any scheme under this part and the aforesaid person continues so to participate for a duration of such scheme."

Kommiti selalunya merujuk kepada penduduk-penduduk di sesuatu kawasan yang kecil di mana antara mereka wujud hubungan yang rapat iaitu hubungan persekutuan. Kommiti juga disifatkan sebagai satu kelompok manusia yang tinggal di satu kawasan yang sama di mana terdapatnya persamaan dalam jenis ekonomi yang dikerjakan oleh anggota-anggotanya, dan di dalam aktiviti ekonomi yang dilakukan, akan sentiasa terdapat usaha-usaha yang diselenggarakan secara "collective" atau kumpulan. Oleh kerana sama-sama menetap di satu kawasan yang sama, maka anggota-anggotanya mempunyai ikatan yang sama dan hubungan serta integrasi sosial antara anggota adalah bercorak peribadi. Dengan itu wujudlah perasaan "community sentiment" sebagaimana yang dikemukakan oleh Mac Iver dan Page (1965).

Dari pengertian di atas, dapatlah digolongkan pekebun kecil Kampung Genuang Baru ini sebagai satu kommiti. Dengan menetap di satu kawasan yang agak kecil, maka hubungan dan integrasi sosial mereka lebih bercorak peribadi dan rapat pula. Dan ditambah pula dengan persamaan dalam jenis ekonomi di samping berbagai usaha yang dijalankan secara "collective", telah mengujudkan perasaan "community sentiment" di kalangan penduduk-penduduk Kampung Genuang Baru (Mac Iver dan Page, 1965).

Merujuk kepada pengertian luarbandar pula, dari ketiga aspek yang dinyatakan iaitu aspek persekitaran, pekerjaan dan sosio-budaya; maka Kampung Genuang Baru menepati huraian di atas sebagai satu kawasan luarbandar. Kampung ini kedudukannya agak ke pendalaman dengan di

kelilingi oleh estet-estet getah dan kelapa sawit, serta mempunyai bilangan penduduk yang kecil. Selain daripada itu, penduduknya terlibat di dalam pertanian di mana penanaman getah adalah perusahaan yang dominant. Oleh kerana bilangan penduduk yang kecil maka hubungan antara anggota adalah rapat iaitu secara baromanda. Akan tetapi walaupun masih bersifat tradisional, mereka tidak pula begitu berserah kepada nasib, contohnya kaum wanita kommiti ini tidak sahaja membiarkan suami mencari nafkah, tetapi mereka bersama-sama bertungkusulums bekerja bersama suami secara sambilan atau sebagainya untuk menambah pendapatan keluarga. Selain daripada itu pekebun kecil ini juga telah lama menerima perubahan yang dikehendaki oleh pemerintah, contohnya menerima tunjuk ajar dari pihak RISDA dalam hal-hal pertanian getah. Begitu juga kaum wanitanya yang telah lama menerima tunjuk ajar dari pihak RISDA dan KEMAS dalam hal-hal urusan rumahtangga. Ini menjadikan kedudukan mereka kian meningkat dari masa ke semasa. Selain daripada itu, ruang stratifikasi sosial di dalam kommiti ini adalah begitu sedikit dengan tiadanya pengkhususan tenaga yang minima.

Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru sebagai kommiti luarbandar sebagai seranan-seranan yang telah diberikan.

- 32 -

BAB III

LATARBELAKANG KAWASAN DAN RESPONDEN

3.1 Latarbelakang Kawasan Kajian

3.1 (a) Kedudukan

Kawasan kajian pengkaji yakni Kampung Genuang Baru, terletak di dalam Mukim Pogoh, daerah Segamat, Johor. Jarak kampung ini dari bandar Segamat ialah 12 kilometer, dan 32 kilometer dari bandar Labis di Timur Lautnya.

Dari segi fizikal, Kampung Genuang Baru adalah dikelilingi oleh empat buah estet iaitu Estet Segamat yang terletak di utara kampung. Estet Guan Meng San diselataninya, Estet Chan Noh San terletak di timur kampung, sementara Estet Labis Baru pula terletak di barat ke utara Kampung Genuang Baru.

Dua batang jalan tanah merah merupakan jalan-jalan yang menghubungkan kampung ini dengan jalan besar dari Segamat ke Labis. Kedua-dua jalan tanah merah ini adalah melalui Genuang Baru dan Bukit Siput. Walaupun kedua-dua jalan ini merupakan alat penghubung utama untuk keluar dan masuk ke kampung, akan tetapi kadangkalanya keadaan jalan-jalan ini mendatangkan kesulitan kepada pengguna-penggunanya lebih-lebih lagi di musim hujan, kerana kerap berlaku tanah runtuh, becak dan licin khususnya

di waktu hujan lebat. Jika mengikut jalan Genuang Baru, jarak antara Kampung Genuang Baru dengan bandar Segamat ialah 11.2 kilometer, manakala jarak melalui Bukit Siput ialah 8 kilometer.

3.1 (b) Ekologi

Menurut sumber-sumber dari pegawai RISDA daerah Segamat, penduduk-penduduk di Kampung Genuang Baru adalah orang-orang mendatang. Maksudnya, mereka bukanlah penduduk asal kampung tersebut. Tanah di Kampung Genuang Baru ini mereka dapati dengan cara permohonan beransur-ansur (Group Settlement Area - GSA) kepada pihak kerajaan negeri Johor. Ini adalah kerana tanah tersebut adalah kepunyaan kerajaan negeri Johor yang termasuk di dalam Tanah Simpanan Melayu. Tanah di kampung ini yang mempunyai keluasan 594 ekar kemudiannya dibahagi-bahagikan kepada lot-lot, di mana tiap-tiap lot adalah seluas 6 ekar.

Mengikut penduduk-penduduk yang awal menetap di kampung ini; Kampung Genuang Baru mula diduduki pada tahun 1967 oleh 3 orang peneroka dengan keluarga masing-masing. Bilangan keluarga yang menetap kemudiannya bertambah dari setahun ke setahun, dan di tahun 1974 bilangan rumahtangga telah bertambah kepada lebih kurang 20 buah; dan hingga ke tahun 1981 (ketika kajian dijalankan) bilangan rumahtangga telah bertambah kepada 37 buah rumah.

Kawasan perumahan di kampung ini adalah lebih bersifat "lineal" yakni rumah-rumahnya didirikan di sepanjang jalan tanah merah yang terdapat di tengah-tengah kampung tersebut. Adalah didapati penduduk-

penduduk di sini telah membina rumah-rumah mereka di dalam log-lot yang telah dibagikan kepada mereka; maka ini menjadikan jarak antara rumah-rumah ini agak berjauhan antara satu sama lain, lebih kurang antara 18.18 hingga 45.45 meter. Kemungkinan pembinaan rumah-rumah begini dilakukan untuk menyenangkan mereka menjaga dan memberilkan kebun getah masing-masing. Walaupun begitu terdapat juga rumah-rumah yang bersifat "cluster" atau berkelompok di beberapa bahagian kampung, dan selalunya rumah-rumah yang bersifat begini mempunyai hubungan kekeluargaan, iaitu terdapatnya beberapa buah rumah anak-anak yang mengelilingi rumah ibubapa mereka.

Oleh kerana keadaan fizikal maka bumi yang berbukit-bukit maka tidaklah dapat 37 buah rumah di kampung ini didirikan di kawasan tanah rendah semuanya, maka terdapatlah beberapa buah rumah yang terpaksa didirikan di kawasan-kawasan tanah tinggi/bukit di samping beberapa lagi dibina di kawasan tanah rendah. Pembinaan rumah-rumah di kawasan tanah begini selalunya berdasarkan kedudukan lot tanah getah yang didapati oleh keluarga tersebut.

3.1 (c) Infrastruktur dan Kemudahan Sosial

Walaupun telah 13 tahun Kampung Genuang Baru dibuka, masih belum terdapat bekalan letrik di kampung ini, dan didapati majoriti (90%) daripada penduduknya menggunakan lampu gaslin di samping penggunaan pelita minyak tanah dan pelita kerbeit. Manakala bagi keluarga yang berada pula, bekalan kuasa letrik didapati dari generator dan kuasa

bateri, tetapi bilangan golongen ini begitu kecil sekali. Menurut mereka, permohonan untuk mendapatkan bekalan letrik telah dibuat oleh cawangan UMNO Kempung Genuang Baru.

Bekalan air paip juga masih belum ada walaupun permohonan mengenai-nya telah dibuat. Ini adalah kerana kedudukan kawasan ini yang berbukit-bukit dan jauh ke darat telah menimbulkan masalah untuk pembekalan air. Justeru itu, penduduk-penduduk hanya mendapat bekalan air dari perigi. Penduduk di sini didapati begitu mengambil berat mengenai sistem pembuangan najis di mana didapati keseluruhan mereka menggunakan tandas gali ataupun tandas curah.

Pengangkutan utama bagi penduduk-penduduk di kampung ini ialah motosikal di mana kesemua penduduk didapati mempunyai sekurang-kurangnya sebuah motosikal bagi satu keluarga atau rumahtangga. Kenderaan inilah yang mereka gunakan untuk keluar bekerja samada di bandar ataupun di estet. Selain daripada itu terdapat dua keluarga yang memiliki kereta di mana kedua-dua keluarga ini menjalankan perniagaan warung makan di bandar Segamat. Kenderaan ini memberi kesenangan dan kemudahan kepada mereka untuk membawa bahan-bahan makanan untuk jualan. Hanya bas sekolah sahaja yang menjalankan perkhidmatan di Kampung Genuang Baru yakni untuk pelajar-pelajar sekolah menengah di sekitar bandar Segamat.

Kemudahan-kemudahan lain seperti kelinik, sekolah rendah, sekolah agama, tadika, Balai Raya dan kedai runcit adalah dikongsi

bersama, di samping terdapatnya sebuah surau di kampung ini. Walaupun begitu mesyuarat ataupun majlis-majlis tertentu dan kelas-kelas rumah tangga diadakan di Mini Dewan Kampung ^{Genuang} Baru yang dibina dengan bantuan dari pihak RISDA. Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) yang telah diwujudkan untuk kemudahan para pekebun kecil dalam soal-soal penanaman getah.

3.1 (d) Pentadbiran

Kampung Genuang Baru sebenarnya adalah sebahagian daripada Kampung Melayu Raya, kerana kedua-dua kampung ini ditadbir oleh seorang ketua kampung yang secara kebetulannya menetap di Kampung Melayu Raya. Selain daripada itu Jawatankuasa Kemajuan Kampungnya juga dikongsi bersama dengan Kampung Melayu Raya. Penyatuan ini terpaksa dibuat kerana penduduk di Kampung Genuang Baru tidak mempunyai cukup korum untuk melantik ketua kampung dan Jawatankuasa Kemajuan Kampungnya sendiri. Akan tetapi walaupun kedua-dua kampung ini berkongsi ketua kampung, Jawatankuasa Kemajuan Kampung, masjid, sekolah rendah, sekolah agama, klinik dan Balai Raya; terdapat pula beberapa ciri penting yang telah memisahkan antara kedua-dua kampung ini.

Penduduk di Kampung Melayu Raya adalah mereka yang telah lama menetap di kampung tersebut berbanding dengan penduduk Kampung Genuang Baru. Oleh kerana itu didapati kesemua penduduk Kampung Melayu Raya telahpun mendapat hasil dari ladang getah mereka, dan terdapat pula antaranya yang telah memasuki Skim Penanaman Semula Getah; berbanding

dengan ladang di Kampung Genuang Baru yang kebanyakannya masih belum boleh ditoreh, cuma ladang getah golongan yang mula menatap sahaja yang telah dapat ditoreh.

Walaupun begitu, kedua-dua kampung tidak pula berkongsi Persatuan Pekebun Kecil (PPK) dan Persatuan Wanita Pekebun Kecil (PWPK). Kampung Genuang Baru mempunyai PPKnya sendiri, begitu juga di Kampung Malayu Raya. Sementara itu PWPK pula masih belum ditubuhkan di Kampung Malayu Raya berbanding dengan Kampung Genuang Baru. Adanya dua persatuan ini di Kampung Genuang Baru sedikit sebanyak telah membezakan kegiatan hidup penduduknya khususnya di kalangan kaum wanita.

3.2 Latarbelakang Masyarakat

3.2 (a) Penduduk

Masyarakat Kampung Genuang Baru ini dapat dikatakan sebagai masyarakat kampung yang kecil. Ini dapat dilihat dari bilangan penduduk yang begitu berkurangan jika dibandingkan dengan penduduk di kampung-kampung sekelilingnya. Mengikut bancian pengkaji (ketika kajian dijalankan) penduduk kampung ini didapati berjumlah lebih kurang 240 orang.

Walaupun begitu, didapati penduduk di kampung ini gemar mempunyai ahli keluarga yang ramai, selalunya sesebuah rumahtangga atau keluarga itu mempunyai antara 3 hingga 9 orang anak. Dan sebagaimana suasana perkampungan yang lain, bilangan penduduk yang kecil ini membolehkan tiap-tiap seorang dari mereka mengenali antara satu sama lain.

Corak perhubungan antara mereka, baik sesama kaum keluarga atau jiran tetangga adalah baik. Adalah didapati berlakunya kerjasama di dalam banyak hal, baik bagi golongan lelaki ataupun perempuan. Contohnya, di dalam kerja-kerja gotong-royong ataupun kenduri-kendara. Hubungan erat begini mungkin disebabkan mereka dari keturunan yang sama yakni keturunan Jawa dan menggunakan dialek Jawa. Di samping itu, mereka juga menjadi anggota dan tinggal di dalam komuniti yang kecil. Corak perhubungan begini sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan konflik (jika ada) sesama mereka.

3.2 (b) Ekonomi

Masyarakat pekebun kecil getah ini banyak bergantung kegiatan ekonominya kepada pertanian getah. Dalam hal ini dapatlah dibahagikan mereka kepada 3 golongan iaitu:

- i. Golongan yang mempunyai ladang getah dan mengusahakan¹ ladang itu, sambil bergiat di dalam kegiatan ekonomi yang lain, contohnya berniaga.
- ii. Golongan yang mempunyai ladang getah tetapi tidak mengusahakannya malah mengambil upah menoreh di estet.
- iii. Golongan yang tidak mempunyai tanah ataupun ladang getah, hanya menumpang tinggal di tanah saudara -

¹ Mengusahakan di sini membawa maksud menoreh di tanah getah tersebut

untuk menyara keluarga mereka mengambil upah menoreh di estet.

Walaupun penduduk kampung ini dibahagikan kepada 3 golongan umumnya, penduduk di sini memiliki tanah iaitu di antara 6 hingga 30 ekar - purata pemilikan tanah pula iaitu 6 ekar bagi tiap-tiap keluarga. Cuma terdapat 2 keluarga atau 5.4% yang tidak mempunyai tanah, di mana mereka menumpang membina rumah di tanah saudara-mara, dan mengambil upah menoreh di estet sebagai kegiatan ekonominya.

Kebanyakan mereka yang mempunyai ladang getah serta mengusahakannya adalah mereka yang telah lama menetap yakni penduduk asal Kampung Genuang Baru, dan didapati sebanyak 6 buah keluarga pekebun kecil getah di kampung ini termasuk ke dalam golongan pertama. Getah mereka telah boleh ditoreh dan kerja-kerja ini dilakukan bersama oleh suami-isteri serta dibantu pula oleh beberapa orang anak. Di samping menjalankan kerja-kerja menoreh ini, mereka juga menjalankan kerja-kerja bersifat ekonomi seperti berniaga. Adalah didapati 5 dari 6 buah keluarga tadi menjalankan perniagaan masing-masing sebagai satu ikhtiar untuk mencahai pendapatan bulanan mereka - 2 buah keluarga didapati menjalankan perniagaan dengan membuka gerai makanan di bandar Segamat, manakala 3 buah keluarga yang lain, tiap-tiap sebuahnya, membuka kedai runcit di kampung tersebut, berniaga makanan dan kueh-mueh di pasar malam di Kampung Melayu Raya yang diadakan seminggu sekali pada tiap-tiap malam Sabtu, manakala sebuah keluarga lagi berjaja kueh-mueh tiap-tiap hari di ladang-ladang getah berdekatan dengan Kampung Genuang Baru serta berniaga tempe di kampung

tersebut. Oleh kerana itu didapati pendapatan bulanan bagi golongan ini adalah melebihi daripada dua golongan kemudiannya.

Golongan kedua juga mempunyai tanah getah masing-masing tetapi tanaman ini masih muda lagi untuk ditoreh. Bagi golongan ini selalunya kedua-dua suami isteri akan bersama-sama mengambil upah menoreh di estet untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Ini bermakna kedua-dua suami-isteri terpaksa berganding bahu menjalankan tugas masing-masing.

Oleh itu, jika dilihat akan kegiatan kaum lelaki dan wanitanya, maka didapati kedua-dua golongan itu sama-sama bertungkus-lumus menjalankan apa sahaja kegiatan ekonomi untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga.

Disebabkan adanya 4 buah ladang getah di sekeliling Kampung Genuang Baru, maka tidaklah begitu susah untuk penduduk di sini mendapatkan pekerjaan, dan ladang-ladang getah inilah punca pendapatan mereka. Untuk pergi keempat-empat ladang getah ini yang jarak jauhnya antara 3.22 kilometer hingga 11.27 kilometer ini, maka motosikal digunakan dan ianya merupakan alat pengangkutan yang paling penting di dalam masyarakat pekebun kecil getah ini. Jadi tidak hairanlah jika didapati kaum wanita di sini kebanyakannya dapat menonggang kenderaan tersebut serta terdapat di antara mereka yang memilikinya.

Oleh kerana suasana kerja yang bermula dari pukul 5 pagi hingga 12 tengahari, maka di setiap pagi kecuali hari Jumaat, antara pukul 5 hingga 6 pagi, akan kedengaranlah bisingnya bunyi motosikal

para penoreh ini.

Aspek ekonomi yang telah dibincangkan di atas adalah merupakan satu rumusan secara umum mengenai aktiviti ekonomi golongan lelaki dan wanita masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru; manakala perbincangan secara menyeluruh dan mendalam mengenai kegiatan ekonomi oleh kaum wanitanya akan dibincangkan di dalam bab berikutnya.

3.2 (c) Sosial

Oleh kerana kegiatan ekonomi kebanyakan penduduk berakhir pada pukul 12 tengahari, maka di waktu petangnya pula mereka mula memupukan perhatian ke atas kerja-kerja rumahtangga ataupun di sekitarnya. Bagi kaum lelaki, ada yang mengasah pisau toreh, membersihkan kebun buah-buahan, ke bandar membeli barang-barang keperluan ataupun ada yang mengambil kesempatan berehat-rehat dengan tidur atau menziarahi rumah kawan-kawan. Manakala kaum wanita pula, ketika inilah perhatian sepenuhnya diberikan ke atas rumahtangga serta anak-anak. Akan tetapi bagi ahli-ahli PWPK pula, selepas menyelesaikan kerja-kerja rumahtangga, mereka akan ke Mini Dewan untuk mengikuti kelas-kelas yang diadakan bermula dari pukul 2 hingga 5 petang. Kelas-kelas urusan rumahtangga ini diadakan pada tiap-tiap hari kecuali hari Ahad dengan diawasi oleh guru-guru yang dihantar khas oleh pihak RISDA dan KEMAS. (Perbincangan seterusnya mengenai kegiatan PWPK ini akan diteruskan di dalam bab selanjutnya iaitu mengenai penglibatan wanita pekebun kecil getah ini di dalam kegiatan sosial)

Di sebelah malangnya pula masih terdapat aktiviti-aktiviti

yang bercorak sosial dan keagamaan yang dianggap penting oleh penduduk-penduduk di sini, yaitu pembacaan Yassin dan latihan kumpang. Pembacaan Yassin diadakan pada tiap-tiap malam Jumaat sekali dalam seminggu. Hanya dihadiri oleh kaum lelaki dan diadakan secara bergilir-gilir di setiap buah rumah penduduk di kampung ini. Apabila tiba giliran sebuah rumah itu mengadakan pembacaan Yassin, maka anggota keluarga tersebut dengan dibantu oleh jiran tetangga yang berdekatan akan menyediakan jamuan ala kadar kepada para hadirin yang datang, selalunya jamuan ini merupakan satu kemestian untuk disediakan oleh keluarga tersebut.

Sementara latihan kumpang pula diadakan pada tiap-tiap malam Ahad. Ahli-ahli kumpulan kumpang ini adalah terdiri daripada kaum lelaki dan wanita sesuda telah berkahwin atau belum. Latihan ini selalunya dibahagikan kepada dua bahagian yakni antara pukul 8 hingga 11 malam, kaum lelaki dan perempuan akan bersama-sama berlatih, dan antara pukul 11 hingga 2 pagi, kumpulan kaum lelaki akan meneruskan latihan mereka. Terdapat lebih kurang 5 buah lagu yang telah dicipta dan lagu-lagu yang bercorak keagamaan dan lagu sempena upacara perkahwinan ini didendangkan ketika latihan diadakan. Sebagaimana cara pembacaan diadakan, begitulah sama coraknya dengan cara latihan kumpang ini dijalankan; di mana latihan ini dijalankan secara bergilir-gilir di rumah para ahlinya. Jika tiba giliran latihan diadakan di rumah seorang ahlinya, maka keluarga beliau yang dibantu oleh jiran-jiran berdekatan akan bersama-sama menyediakan jamuan ringan kepada anggota-anggota yang hadir. Maka di malam Isnin itu akan bergemelah alunan nyanyian anggota-anggota kumpulan kumpang Kampung Genuang Baru dari pukul 8 malam hingga pukul 2 pagi. Kumpulan

Kampung ini dianggap penting dalam kehidupan bermasyarakat para pekebun kecil ini kerana ianya mempunyai peranan yang tertentu untuk majlis kenduri-kendara khususnya kenduri kahwin serta majlis-majlis formal yang lain. Kadangkala kumpulan kampung Kampung Genuang^{Baru} dijemput untuk menyerikan upacara-upacara atau majlis-majlis formal di beberapa kampung lain di dalam daerah Segamat.

Aktiviti-aktiviti seperti ini dapatlah dikatakan memberi faedah kepada mereka disegi pergaulan serta dapat memenuhkan masa lapang mereka di waktu malam di samping dapat memberikan satu corak hiburan kepada mereka.

3.2 (d) Kesihatan

Di dalam mana-mana masyarakat ataupun komuniti, penjagaan kesihatan yang sempurna adalah dipentingkan demi menjamin ahli-ahli yang sihat di dalam komuniti tersebut. Di dalam hal ini pengkaji tidak mendapati adanya kes-kes sakit dan penyakit yang merbahaya yang menyerang anggota masyarakat di sini, cuma yang dijumpai ialah kes-kes penyakit kanak-kanak seperti kudis, di mana kebanyakan kanak-kanak kecil di sini iaitu di antara umur 2 hingga 6 tahun yang mengidapnya. Walaupun kanak-kanak ini telah dibawa berubat di klinik kampung tersebut, tetapi menurut ibu-ibu ini bahawa penyakit yang dihadapi oleh anak-anak mereka adalah penyakit berjangkit yang selalu menyerang kanak-kanak kecil di kampung tersebut.

Adalah didapati juga bahawa penduduk-penduduk Kampung Genuang Baru

begitu mengambil berat tentang kesihatan keluarga mereka. Apa-apa sakit yang dihadapi selalunya akan dibawa berjumpa doktor kecualilah jika penyakit tersebut berkaitan dengan semangat. Menurut mereka, jika terdapatnya penyakit seperti ini berlaku, keluarga si pesakit akan mencari bomoh-bomoh yang terkenal di dalam bidang ini dari kampung-kampung berdekatan samada di daerah Segamat atau di luar daerah ini untuk mengubat si pesakit. Contohnya, seorang gadis yang terkena penyakit tersebut telah dihantar oleh keluarganya ke rumah saudara maranya di luar daerah Segamat untuk berubat. Ini adalah disebabkan ketiadaan bomoh yang agak mahir di dalam bidang tersebut di Kampung Genuang Baru dan di Kampung Melayu Raya. Walaupun begitu terdapat seorang bidan yang kadangkala diminta oleh penduduk-penduduk kampung ini mengubat anak-anak kecil yang kerap kali diganggu semangat.

3.3 Latarbelakang Responden

Dalam melihat peranan dan penglibatan wanita di dalam kegiatan ekonomi dan sosial, terlebih dahulu eloklah dilihat latarbelakang peribadi responden-responden ini seperti umur, taraf pelajaran, saiz keluarga dan pendapatan bulanan keluarga mereka. Aspek-aspek ini didapati berkaitan antara satu sama lain dalam menentukan golongan responden dan sebab-sebab mereka bekerja atau tidak bekerja.

3.3(a) Taraf Perkahwinan Responden

Sebagaimana dinyatakan, responden-responden pengkaji adalah mereka yang telah berumahtangga dan mereka yang belum berumahtangga.

Jadual 3.3 (a) yang berikut adalah taburan bilangan responden mengikut taraf perkahwinan masing-masing.

Jadual 3.3 (a)

Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Bilangan Responden	Purata Umur	Peratus
Berkahwin	25	34.48	71
Belum berkahwin	8	20.375	23
Janda (kematian suami)	2	43.5	6
Jumlah	35		100

Jadual 3.3 (a) menunjukkan bilangan responden yang telah berkahwin adalah melebihi dua pertiga daripada jumlah responden iaitu melibatkan 77%. Sementara itu jika dilihat disegi umur purata responden, didapati responden-responden yang belum berkahwin adalah mereka yang baru meningkat ke usia 20 tahun, manakala kedua orang janda yang menjadi responden pengkaji masih belum lagi meningkat ke tahap usia setengah abad (50 tahun); ini bermakna kemungkinan ketika suami mereka meninggal dunia, usia mereka masih muda yakni di bawah umur 40 tahun.

3.3 (b) Umur Responden

Jadual 3.3 (b)

Taburan Umur Responden

Umur (Tahun)	Bilangan Responden	Peratus
16 - 20	6	17
21 - 25	6	17
26 - 30	7	20
31 - 35	6	17
36 - 40	3	9
41 - 45	4	11
46 - 50	4	6
Melebihi 50	1	3
Jumlah	35	100

Jadual 3.3 (b) pula menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden berumur di antara 16 hingga 40 tahun yakni merangkumi 28 orang responden (80%) daripada keseluruhannya. Adalah didapati bahawa golongan inilah yang agak aktif di dalam kegiatan sosio-ekonomi berbanding dengan golongan yang telah berumur yakni mereka yang berumur melebihi 41 tahun yang seramai 7 orang itu. Sementara itu daripada 12 orang responden yang berumur di antara 16 - 25 tahun (34%), 8 orang daripadanya adalah terdiri dari anak gadis.

3.3 (c) Pencapaian Pelajaran

Jadual 3.3 (c)

Taraf Pelajaran Responden

(i) Suami dan isteri (Perbandingan)

Taraf Pelajaran	Bil. Responden (Isteri)	Purata Umur	Peratus	Bil. Suami	Purata Umur	Peratus
Tidak bersekolah	5	46.4	19	-	-	-
Drj. 1 - 3	4	34	15	6	34.7	23
Drj. 4 - 6	13	33.5	48	17	37.8	63
Tkt. 1 - 3	2	23	7	2	28.5	7
Sekolah Ugama	1	31	4	-	-	-
Sekolah Dewasa	2	33.5	7	2	46.5	7
Jumlah	27		100	27		100

(ii) Bapa dan Anak Gadis (Perbandingan)

Taraf Pelajaran	Bil. Responden (Gadis)	Purata Umur	Peratus	Bil. Bapa	Purata Umur	Peratus
Tidak bersekolah	-	-	-	3	46.7	38
Drj. 1 - 3	-	-	-	1	45	12
Drj. 4 - 6	4	21	50	3	49	38
Tkt. 1 - 3	3	20	38	-	-	-
Sekolah Ugama	1	19	12	1	55	12
Sekolah Dewasa	-	-	-	-	-	-
Jumlah	8		100	8		100

Jadual 3.3 (c)(i) dan (ii) menunjukkan perbandingan taraf pelajaran responden iaitu antara (i) suami dan isteri dan (ii) bapa dan anak gadisnya. Dari kedua-dua jadual ini didapati tidak semua responden menghadiri sekolah dan berpendidikan formal. Peringkat paling tinggi pendidikan ialah di tingkatan 3 (Sijil Rendah Pelajaran) dan ini hanya melibatkan beberapa orang responden yang belum berkahwin dan 2 orang suri rumahtangga, juga didapati separuh daripada responden iaitu 17 orang (13 orang isteri dan 4 orang gadis) hanya berpendidikan antara darjah 4 hingga 6. Jika dilihat perbandingan taraf pelajaran para isteri dan suami mereka, didapati lebih ramai para isteri iaitu 5 orang atau 19% yang tidak bersekolah berbanding di pihak suami mereka. Walaupun didapati adanya isteri yang tidak langsung bersekolah, tetapi jika dilihat pada taraf pendidikan suami dan isteri ini, telah menunjukkan bahawa lebih ramai suami (86%) yang berpendidikan rendah berbanding dengan hanya 82% sahaja dari pihak isteri. Manakala disegi purata umur antara kedua-dua pihak ini, isteri-isteri yang berpendidikan dari darjah 1 hingga ke tingkatan 3 seringkali berusia kurang daripada suami mereka. Justeru itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa taraf pelajaran antara suami dan isteri bagi Kampung Genuang Baru ini adalah seimbang.

Sementara itu dilihat pada jadual perbandingan taraf pelajaran antara bapa dan anak gadis mereka, maka telah jelaslah menunjukkan bahawa anak-anak gadis ini lebih berpelajaran kerana mereka dapat menamatkan pendidikan sekolah rendah dan ada pula (3 orang) dapat menyambung ke sekolah menengah hingga ke tingkatan 3 (Sijil Rendah Pelajaran); ini berbanding sekali dengan taraf pelajaran bapa yang begitu kurang mendapat

pelajaran di mana hanya 3 orang atau 38% yang tidak bersekolah. Selain daripada itu, dengan melihat kepada purata umur bapa-bapa ini, dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan mereka berkahwin dalam usia yang agak muda kerana di dalam usia yang kurang dari separuh abad, mereka telah mempunyai anak-anak gadis yang berusia melebihi 20 tahun.

Oleh itu, jelasnya tiga per empat daripada responden adalah terdiri daripada mereka yang kurang berpelajaran. Walaupun mereka bersekolah tetapi ramai yang tidak menamatkan persekolahan mereka hingga ke darjah enam.

3.3 (d) Saiz Keluarga

Jadual 3.3 (d)

(i) Saiz Keluarga Responden

Bilangan anak/saudara (orang)	Bilangan Responden	Peratus
1 - 3	1	3
4 - 6	16	46
7 - 9	13	37
10 - 13	5	14
Jumlah	35	100

Jadual 3.3 (d)

(ii) Saiz Rumahtangga Responden

Bilangan anak/saudara (orang)	Bilangan Responden	Peratus
1 - 3	17	49
4 - 6	12	34
7 - 9	6	17
Jumlah	35	100

Kedua-dua jadual 3.3 (d)(i) dan (ii) memperlihatkan keadaan saiz keluarga responden dan juga saiz rumahtangga mereka. Jika dibandingkan antara kedua-duanya, memanglah saiz keluarga responden di dapati besar bilangan anggotanya kerana ia memasukkan anggota-anggota keluarga seperti anak-anak ataupun saudara-saudara yang telah berkahwin atau bekerja dan tidak menetap bersama responden lagi. Manakala saiz rumah tangga ini kecil bilangan anggotanya kerana ia mengambil kira bilangan anggota samada anak ataupun saudara-mara yang menetap bersama responden ketika kajian dijalankan.

Jika dilihat dari jadual 3.3 (d)(i) didapati separuh daripada responden iaitu 18 orang (51%) adalah responden yang mempunyai saiz keluarga yang besar iaitu antara 7 hingga 13 orang anggotanya, manakala 17 orang (49%) pula adalah tergolong ke dalam saiz keluarga yang sederhana iaitu mempunyai anggota keluarga antara seorang hingga 6 orang.

Sementara itu jadual 3.3 (d)(ii) pula menunjukkan hampir

Garis kemiskinan pada masa ini adalah dianggarkan sebanyak kurang daripada \$300/- sebulan.² Justeru itu, jika mengikut pendapatan sebagaimana garis miskin tahun 1972, maka didapati, 10 buah keluarga (29%) yang ditemui adalah di bawah garis kemiskinan.

Jadual 3.3 (e) juga menunjukkan bahawa pendapatan purata paling minima bagi keluarga-keluarga ini adalah \$200/-, manakala pendapatan purata paling maksima pula adalah melebihi \$1,000/-.

Dari jadual pendapatan keluarga tersebut, maka dapatlah dibahagikan keluarga-keluarga ini kepada tiga golongan; iaitu 10 buah keluarga (29%) yang berpendapatan purata antara \$100/- hingga \$300/- sebulan digolongkan sebagai keluarga yang berpendapatan rendah. Bagi golongan ini didapati hanya suami sahaja yang bekerja di mana pendapatan mereka adalah kurang daripada \$300/- sebulan, apatah lagi mereka hanyalah mengambil upah menoreh di estet. Manakala 19 buah keluarga (54%) lagi adalah keluarga yang berpendapatan antara \$30/- hingga \$600/- sebulan yang dikategorikan sebagai keluarga berpendapatan sederhana. Pengkaji mendapati suami-isteri di dalam golongan ini sama-sama berganding bahu bekerja untuk menyara keluarga. Dalam menstabilkan ekonomi keluarga, kedua-dua suami-isteri ini sama-sama mengambil upah bekerja di estet jika pokok getah mereka belum cukup tua untuk ditoreh.

² Menurut Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri - pendapatan garis kemiskinan untuk tahun 1972 ialah \$282/- sebulan. (lihat Negara Kita, 1980: 154).

Sementara itu, keluarga-keluarga yang berpendapatan melebihi \$600/- sebulan pula adalah keluarga dari golongan mewah. Dari golongan yang terdiri dari 6 buah keluarga (17%) ini; 2 buah keluarga daripadanya terlibat di dalam ekonomi pertanian getah; di mana mereka mengambil upah menoreh di estet di samping menoreh di ladang getah sendiri. (tenaga kerja dari anggota keluarga). Manakala isteri-isteri mereka pula di samping menolong suami menoreh atau mengambil upah menoreh di waktu pagi, telah menjalankan perniagaan secara sambil-sambilan dengan menjual kueh-mueh di pasar malam, menghantarnya ke kedai runcit ataupun menjadi tukang andam. Pengkaji juga mendapati 4 buah keluarga lagi di dalam golongan ini pula melibatkan diri di dalam perniagaan senda perniagaan makanan di bandar Segamat dan perniagaan runcit di kampung kajian. Corak ekonomi yang mereka ceburi ini kemungkinan tidak akan mencapai kejayaannya tanpa penglibatan atau bantuan dari kaum wanita khususnya dari isteri atau anggota keluarga yang lain.

Justeru itu jelaslah menunjukkan bahawa wanita telah memainkan peranan yang besar dan penting di bidang ekonomi, yakni membantu di dalam soal-soal pendapatan dan perbelanjaan keluarga. Jadual 3.3 (e) misalnya menunjukkan bahawa penggabungan pendapatan suami-isteri tersebut telah mengujudkan 3 katagori/golongan keluarga sebagaimana yang telah di bincangkan.

..... not only to have enough to eat to keep alive
but also to satisfy the thirst of personal betterment,
religious values and with the realization of social

obligations, all as important to the life of the group as were maintenance is to the life of organisms."

BAB IV

PERANAN DAN KEGIATAN WANITA DI BIDANG EKONOMI

Hampir setengah daripada jumlah penduduk Malaysia adalah kaum wanita; dan 70% daripada wanita tersebut adalah wanita luarbandar. Jika dilihat pada nisbah guna tenaga penuh pula, didapati satu pertiga dari tenaga buruhnya adalah terdiri daripada wanita, dan ini sudah tentulah tidak mengambil kira pekerja-pekerja wanita yang tidak bergaji seperti isteri, saudara perempuan serta anak perempuan yang sama-sama bertungkus-lumus dalam kerja-kerja pertanian atau sebagainya. Pekerja-pekerja yang tidak bergaji ini biasanya berada di kawasan luarbandar.

Berdasarkan hal ini, dapatlah dikatakan bahawa wanita itu melakukan dua peranan utama yang mana seorang lelaki tidak akan terdaya melakukannya. Wanita tani misalnya, bekerja tujuh jam sehari di samping suaminya di ladang, kemudian pulang ke rumah dan dikehendaki pula memainkan peranan sebagai seorang isteri dengan tugas-tugas melayan suami dan keluarga serta menguruskan hal-hal rumahtangga.

Masalah kewangan merupakan satu masalah yang begitu penting bagi seseorang suri rumahtangga dalam hal-hal pengurusan rumahtangganya di samping merupakan satu masalah universal seperti yang dikatakan oleh Rosemary Firth:

"..... not only to have enough to eat to keep alive but also to satisfy the demand of personal tastes, religious rules and with the multitudes of social

obligations, all as important to the life of the groups as mere subsistence is to the life of organisms."

(dipetik dari Firth, 1966: 1)

Oleh kerana itu, maka tidak hairanlah kaum wanita di luarbandar khususnya mengambil peluang bergiat dalam berbagai kegiatan ekonomi samada berbentuk pertanian atau bukan pertanian, di samping menjalankan kewajipan mereka di dalam lingkungan rumahtangga. Kegigihan wanita dalam bidang ekonomi inilah yang akan dibincangkan oleh pengkaji di dalam bab 4 ini; di samping menyentuh juga mengenai pendapatan mereka.

Puan Mazidah Zakaria ketika memberi ceramah mengenai "Penglibatan Wanita Luarbandar Dalam Aktiviti Ekonomi" yang dibentangkan dalam Muktamar Ketiga Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Islam Malaysia (Majallah Wanita, Mei 1981 m.s. 44) menyarankan bahawa adanya dua golongan wanita luarbandar yang terlibat dalam aktiviti ekonomi, iaitu:

- a. Golongan yang paling banyak adalah dari mereka yang berkeluarga miskin. Bagi golongan tani adalah terdiri dari mereka yang tidak bertanah, manakala dari kalangan nelayan pula adalah dari mereka yang mengambil upah menangkap ikan. Kedudukan ekonomi golongan ini pula adalah lebih rendah dan garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Keluarga-keluarga miskin ini seringkali mempunyai tanggungan yang ramai, maka samada mahu tidak mahu setiap tenaga buruh yang ada dalam

keluarga tersebut tanpa mengira suami, isteri
maupun anak-anak yang sudah besar atau yang sudah
boleh diharapkan tidak kira lelaki ataupun perempuan
akan turut sama melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi
bagi menampung kehidupan keluarga. Adalah didapati
paling ramai wanita luarbandar dari golongan ini yang
bekerja untuk mendapatkan upah.

- b. Golongan yang kedua pula terdiri dari wanita yang menjadi
ketua keluarga atau ketua rumah. Golongan ini boleh
dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

i. Mereka yang sudah tidak bersuami lagi yakni samada
suami telah meninggal dunia, diceraikan atau di
tinggalkan begitu sahaja ataupun suami uzur - cacat
dan tidak boleh bekerja.

ii. Wanita-wanita yang masih bersuami tetapi memilih
untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi kerana
suami bekerja di tempat lain; antaranya ialah
apabila suami mempunyai pekerjaan yang bercorak
bukan pertanian di dalam atau di luar kampung
dan mendatangkan yang lebih lumayan.

Justeru itu menurut Puan Masidah Zakaria, penglibatan wanita
luarbandar dalam aktiviti ekonomi adalah suatu kenyataan yang tidak
dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Didapati hampir setiap wanita yang

miskin maupun yang berada ada melakukan kegiatan-kegiatan ekonomi walaupun sekurang-kurangnya sebagai kerja-kerja sambilan yang tidak diberi upah apa-apa sekalipun. Oleh kerana itu peranan dan penglibatan wanita di bidang ekonomi telah menjadi satu faktor yang semakin bertambah penting.

Pada keseluruhannya, penglibatan kaum wanita Kampung Genuang Baru di bidang ekonomi dilihat dari 2 aspek iaitu:

- a. Bidang ekonomi bercorak pertanian
- b. Bidang ekonomi bukan bercorak pertanian

Antara kedua-dua bidang ekonomi ini, didapati lebih ramai kaum wanita di kampung ini yang menceburkan diri di bidang ekonomi pertanian berbanding dengan bidang ekonomi bukan pertanian.

4.1 Bidang Ekonomi Bercorak Pertanian

Sebelum menumpukan penyelidikan dengan lebih lanjut, pengkaji akan membincangkan kedudukan responden-responden di dalam kegiatan ekonomi mereka. Ini adalah kerana penyelidikan mengenai peranan dan penglibatan mereka adalah menurut katagori-katagori tertentu.

Dari jadual 4.1, maka dapatlah wanita ini dikatagorikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- a. Mereka yang mengambil upah manoreh di estet-estet yang berhaspiren tetapi di samping itu masih menjalankan

Temporal

Jadual 4.1

Kedudukan Wanita Di bidang Ekonomi

Bidang Ekonomi	Bil. Responden	Peratus
Menoreh Getah di estet (mengambil upah)	20	57
Menoreh Getah di ladang sendiri	5	14
Hanya menjalankan tugas-tugas rumahtangga	10	29
Jumlah	35	100

Daritugas-tugas urusan rumahtangga

- b. Mereka yang menoreh getah di ladang sendiri di samping tidak melupakan tugas-tugas urusan rumahtangga
- c. Mereka yang melibatkan diri dalam urusan rumahtangga sepenuh masa

Berdasarkan pembahagian ini, didapati bilangan mereka yang termasuk di dalam katageri pertama adalah paling ramai yakni 57% berbanding dengan kedua-dua katageri lagi, dan ini menunjukkan bahawa penumpuan untuk menoreh di estet adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, jadual ini menunjukkan bahawa lebih ramai wanita yang bekerja (71%) semata bekerja di estet ataupun di ladang sendiri.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, masyarakat pekabun kecil ini menyara kehidupan mereka melalui pertanian getah. Ini tentulah menunjukkan bahawa bidang ekonomi pertanian ini adalah unsur terpenting bagi kebanyakan keluarga di Kampung Genuang Baru walaupun terdapat juga beberapa orang ketua keluarga (sumi) yang bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan di bandar Segamat. Walaupun mengikut cara tradisinya, bapa atau sumi itu yang bertanggungjawab di dalam mencari nafkah melalui ekonomi pertanian ini, akan tetapi terdapat sebilangan dari mereka yang memperolehi pendapatan yang kurang memuaskan tanpa penglibatan dari isteri atau anak gadis mereka. Atas sebab-sebab kesedaran bahawa penglibatan mereka begitu diperlukan inilah yang menyebabkan kebanyakan isteri dan anak-anak gadis itu bekerja bersama-sama sumi ataupun keluarga mereka. Di dalam hal-hal ini, paling ramai golongan ini bekerja sebagai penoreh getah di estet-estet di sekeliling Kampung Genuang Baru. Walaupun kadangkalanya mereka yang berperanan sebagai isteri ini menghadapi beberapa masalah rumahtangga, misalnya anak-anak masih kecil dan sebagainya, tetapi mereka dapat mencari jalan untuk mengatasinya. Menurut kebanyakan responden-responden ini, sewaktu mereka berada di ladang menoreh, anak-anak kecil mereka biasanya dijagai oleh anak-anak perempuan yang agak dewasa dan tidak bersekolah serta bekerja di mana-mana. Anak-anak perempuan ini juga biasanya diharapkan untuk melaksanakan tugas-tugas di rumah seperti memasak, membasuh dan mengemas rumah. Akan tetapi bagi responden yang tidak mempunyai anak-anak perempuan yang agak besar serta boleh diharapkan, maka anak-anak kecil mereka selalunya ditumpangkan ke rumah jiran-jiran berhampiran yang biasanya tidak menjalankan lain-lain kegiatan, hanya menjalankan tugas-tugas rumahtangga. Mengikut ibu-ibu muda ini, bayaran yang selalu

digunakan ialah di antara \$10 hingga \$20 sahaja.

Responden keluar bekerja pada pukul 6 pagi bersama-sama suami mereka, ini menjadi mereka terpaksa bangun awal yakni pukul 5 pagi atau awal daripada itu untuk menyediakan sarapan pagi. Tugas menoreh di ladang ini dilakukan pada tiap-tiap hari kecuali hari Jumaat ataupun bila berlakunya kematian di dalam kampung tersebut. Apabila telah siap segala kerja yang ditugaskan yakni dalam kira-kira pukul 12 tengahari, pasangan suami-isteri ini akan segera pulang ke rumah, selalunya cepat atau lambat mereka sampai ke rumah adalah mengikut jauh atau tidaknya tempat kerja tersebut.

Bagi golongan kedua, yakni yang hanya menoreh di ladang sendiri, keadaan kerja mereka dapat dikatakan agak serupa dengan golongan yang pertama. Walaupun mereka tidaklah terpaksa bangun awal sebagaimana responden dari golongan pertama tetapi mereka terpaksa juga telah bersedia sebelum pukul 7 pagi supaya tidak terlalu lewat untuk menoreh; bila cuaca telah menjadi panas, maka keadaan begini tidaklah lagi menyenangkan untuk menoreh.

Apa yang membezakan kedua-dua golongan ini ialah jenis kerja yang terpaksa dilakukan ketika keluar menoreh. Bagi golongan pertama; mereka hanya keluar menoreh dan setelah selesai menjalankannya mengikut lot masing-masing, berhentilah sekejap mereka untuk berehat selama satu jam sambil makan apa-apa makanan yang telah dibawa dari rumah. Seterusnya selepas itu mereka akan pergi memungut susu getah pula ataupun dikatakan "bangkit" mengikut istilah mereka. Selesai segala kerja ini, susu getah

akan dihantar ke setor oleh mereka sendiri serta diserahkan kepada pekerja-pekerja di setor. Kerja-kerja seperti ini adalah mudah dan senang tidak seperti kerja-kerja yang dilakukan oleh golongan kedua yang mesti pula membuat getah keping sendiri. Apabila selesai bangkit, susu getah akan dibawa ke Pusat Pembangunan Pekebun Kecil Getah untuk dibekukan kemudiannya dibuat getah keping. Kerja-kerja yang hendak dilakukan di PPPK ini agak rumit juga, seperti kerja-kerja membekukan susu getah, menipiskan getah yang telah beku, kemudian memesinkannya dengan menggunakan mesin licin dan mesin bunga. Kerja-kerja begini sekurang-kurangnya berkehendakkan dua orang pekerja yang melakukan supaya kerja-kerja ini berjalan lancar. Kerja-kerja menipiskan getah serta memesinkannya didapati agak rumit juga kerana mesin-mesin ini agak berat. Jadi terpaksa pula meminta pertolongan dari kaum lelaki atau anak-anak responden, selalunya anak lelaki responden yang tidak bekerja menolong melakukan kerja-kerja ditahap ini. Setelah selesai dan getah-getah keping ini telah dijemur, maka baharulah mereka beralih kepada kerja-kerja lingkungan rumahtangga seperti memasak, mencuci dan sebagainya. Jika responden tersebut mempunyai anak-anak perempuan yang telah dapat di harapkan melakukan tugas-tugas rumahtangga, maka bolehlah responden tersebut berehat selepas penat bekerja.

Golongan ketiga yang terdiri daripada 10% henyalah menumpukan perhatian kepada tugas-tugas di dalam lingkungan rumahtangga sahaja. Responden-responden ini memberikan alasan anak-anak masih kecil ataupun telah uzur sebagai sebab-sebab mereka tidak melibatkan diri di dalam ekonomi pertanian.

Oleh kerana itu dapatlah dikatakan bahawa penglibatan wanita di bidang ekonomi pertanian ini bukan sahaja untuk menambah pendapatan keluarga tetapi juga menunjukkan saling persafahaman dan bekerjasamanya hidup suami-isteri ini dan juga antara anak dan keluarga.

Penanaman Tanaman Kontan

Bagi wanita-wanita ini walaupun bekerja atau tidak, waktu petang merupakan waktu lapang kepada mereka, akan tetapi ini hanya tertakluk kepada mereka yang tidak menyertai mana-mana kesatuan. Bagi kaum wanita di Kampung Genuang Baru, penanaman tanaman kontan ini telah dilakukan oleh setiap responden dan tanaman yang biasa ditanam ialah ubi kayu. Tanaman ubi kayu ini ditanam di sekitar rumah ataupun di antara baris pokok getah. Dari perhatian pengkaji, di setiap rumah yang dilawati akan didapati tanaman ini, dan oleh kerana ubi kayu adalah tanaman yang begitu senang ditanam, maka memadai jika responden hanya ditolong oleh seorang dua anaknya ketika menanam tanaman ini.

Boleh dikata pasaran untuk tanaman ini tidak ujud sama sekali. Bagi mereka tanaman ini hanyalah ^{untuk} kegunaan keluarga atau untuk disedekahkan kepada kaum keluarga yang datang berkunjung. Akan tetapi apabila dibuat kueh-mueh dari hasil ubinya seperti dibuat kueh bingka, tapai ubi ataupun kerepek ubi maka baharulah ia dipasarkan. Walaupun begitu kadangkalanya terdapat juga proses jual-beli iaitu bila pembeli-pembelinya adalah kawan-kawan responden ataupun penduduk-penduduk dari kampung yang berdekatan. Namun begitu hasil pendapatan dari jualan ini tidaklah begitu lumayan, iaitu hanya sekadar untuk perbelanjaan dapur

sehari-hari.

Walaupun hasil kewangan di dalam kegiatan ini tidak begitu ketara, akan tetapi sedikit sebanyak ianya telah dapat membantu masalah perbelanjaan rumahtangga.

4.2 Bidang Ekonomi Bukan Bercorak Pertanian

Di dalam bidang ini pula bukanlah semua responden yang melibatkan diri mereka. Dari 35 orang responden yang dikaji, hanya 7 orang responden sahaja yang melibatkan diri secara menyeluruh di bidang ini; 6 orang daripada mereka terlibat di dalam perniagaan manekala seorang lagi menjadi tukang andam.

3.2 (a) Perniagaan

Perniagaan yang diceburi oleh mereka ini adalah secara kecil-kecilan, kecuali dua orang responden yang penyertaannya secara menyeluruh dimana mereka terpaksa melibatkan diri di dalam memasak, menyediakan makanannya dan sentiasa berada di warung tempat berjual, apatah lagi kedua-dua wanita ini adalah tukang masak kepada gerai ini.

Kedua-dua wanita ini sebenarnya bersama-sama suaminya membuka gerai makanan di bandar Segamat. Jika di rumah mereka juga yang akan menyediakan kueh-mueh untuk jualan, maka tugas mereka di warung nanti ialah memasak makan-makanan untuk jualan tengahari dan menyediakan minuman yang dipesan oleh pelanggan. Tugas memasak ini dapat dikatakan agak rumit juga kerana masakan ini terpaksa dimasak di warung tersebut juga.

Antara juadah-juadah makanan yang disediakan ialah meehoon goreng, rojak, sambal tumis, gulai ikan, sayur dan sebagainya lagi, manakala kueh-mueh yang dijual pula ialah karipap, kueh pau, kueh bingka, pulut serimuka dan lain-lain lagi. Menurut kedua-dua responden ini hasil keuntungan bersih penjualan mereka adalah antara \$30.00 hingga \$50.00 bagi tiap-tiap hari; itupun mengikut keadaan cuaca hari-hari tersebut, yakni kalau di hari hujan pendapatan akan berkurang dan jika di hari-hari perayaan pula, hasil pendapatan akan bertambah.

Sebagai seorang wanita tentulah tidak berpadanan jika kerja-kerja ini dijalankan secara perseorangan; jadi terdapatlah beberapa orang pembantu yang akan menolongnya seperti anak-anak responden sendiri ataupun anak-anak saudaranya. Sumi responden juga kadangkala datang menolong perniagaan tersebut apabila telah siap kerja-kerja mereka sendiri ataupun terus berada di gerai tersebut bila tiada kerja yang perlu diselesaikan.

Walaupun begitu, perniagaan begini tidaklah dapat dikatakan dipunyai oleh responden tersebut tetapi dikongsi bersama oleh mereka suami-isteri, kerana, suami respondenlah yang bertanggungjawab membeli bahan-bahan yang perlu untuk menyediakan masakan-masakannya. Justeru itulah, kedua-dua responden ini tidak dapat memberikan pendapatan bulanan mereka sendiri yang sebenarnya kerana selalunya suamilah yang bertanggungjawab di atas hasil pendapatan tersebut.

Manakala 6 orang lagi responden menjalankan perniagaan kueh-mueh di sekitar kawasan perkampungan mereka. Tiga orang responden

selalunya menghantar kueh-mueh yang telah mereka sediakan ke kedai runcit yang terdapat di kampung tersebut. Mengikut responden-responden ini, pendapatan mereka sebulan untuk jualan cara ini adalah antara \$5 hingga \$8 setelah ditolak komisyen penjualannya. Salah seorang dari mereka juga selain daripada menghantarnya ke kedai, juga berjaja di estet-estet yang berhampir yakni di waktu rehat penoreh-penoreh ini. Beliau juga membuat dan berniaga tempe samada dihantar ke kedai runcit ataupun dibeli oleh jiran tetangganya apabila mengunjungi rumah beliau.

Sementara itu, seorang lagi responden berniaga dengan membawa kueh-mueh yang disediakan ke pasar malam di kampung tersebut untuk di jual. Pasar malam ini diadakan pada malam Ahad tiap-tiap minggu. Maka bermakna wanita ini berjual di hujung-hujung minggu dan kelerian penjualan beliau adalah tergantung kepada keadaan cuaca, jika hari hujan kurangleh laris kueh-muehnya tetapi jika cuaca baik, larislah kueh-mueh tersebut. Beliau juga tidak ketinggalan berjaja kueh-mueh di estet tempat beliau bekerja. Antara kueh-mueh dan makanan-makanan yang diperniagakannya ialah kripik, tapai ubi, meehoon goreng, tauhu subat dan sebagainya lagi. Menurut beliau, hasil pendapatan bersihnya dalam sebulan adalah antara \$150 hingga \$200, dan sebagaimana biasa pendapatan begini adalah mengikut keadaan cuaca; cuaca baik banyak hasil pendapatannya dan jika cuaca buruk merosotlah pendapatan tersebut. Bagi responden ini juga, oleh kerana beliau telah terkenal dengan kueh-mueh dan tapai ubinya, maka ramai jiran-jiran tetangganya yang datang membeli di rumah beliau ataupun menempah daripadanya.

Pendapatan yang didapati oleh golongan ini agak lumayan juga jika cuaca baik, kerana selalunya bila musim hujan berlaku, tiada ramai orang yang akan membelinya (rujuk kepada jualan di pasar malam). Walaupun begitu pendapatan inilah yang selalu digunakan untuk menampung perbelanjaan dapur di rumah mereka. Dengan ini menunjukkan bahawa penglibatan mereka tidaklah menisiatikan kerana pendapatan ini banyak membantu pendapatan rumahtangga.

4.2 (b) Mengandam Pengantin

Pendapatan daripada mengandam pengantin dapatlah dikatakan lumayan. Inilah sebabnya yang menyebabkan responden ini begitu berminat untuk menceburkan diri di bidang ini di samping sebagai satu saluran untuk menambah pendapatan keluarganya.

Menurut responden, beliau yang baru setahu menceburkan diri di bidang ini selalu dijemput orang untuk mengandam pengantin. Tambahan pula bayaran beliau yang agak berpatutan iaitu \$80 sahaja. Selalunya responden ini dipanggil untuk mengandam untuk dua hari berturut-turut iaitu di malam berinai dan di hari perkahwinan. Beliau juga menyediakan pakaian pengantin untuk menyenangkan aktivitinya. Beliau selalunya dipanggil untuk mengandam pengantin di beberapa kawasan di Segamat sarada di kampung-kampung berdekatan dengan Kampung Genuang Baru.

Menurut responden lagi, tugas ini tidaklah menjadi masalah kepadanya kerana kerjasama dan persefahaman yang ditunjukkan oleh isterinya. Beliau selalunya mendapat panggilan mengandam puratanya empat kali

dalam sebulan, dan ini menjadikan pendapatannya sebulan ialah \$360.

Dengan pendapatan inilah responden dapat menolong suaminya di dalam hal-hal pengurusan rumahtangga, dan dari perkongsian pendapatan ini beliau sekeluarga dapat memiliki barang-barang mewah.

4.3 Pendapatan

Di bawah tajuk ini akan diperlihatkan data mengenai perbezaan pendapatan antara suami dengan isterinya dan juga antara bapa dengan anaknya. Berdasarkan data ini nanti tentulah dapat dibuktikan bahawa penglibatan kaum wanita di bidang ekonomi adalah penting di dalam keadaan ekonomi sesebuah keluarga.

Dari jadual 4.3 (a) dan (b), didapati 17 orang responden mempunyai pendapatan kurang daripada \$300 sebulan (\$282/ ialah pendapatan garis kemiskinan untuk tahun 1972 - rujuk bab 3), Sementara itu didapati pendapatan 9 orang responden adalah menyamai pendapatan suami dan bapa mereka; manakala pendapatan 4 orang responden lagi adalah melebihi daripada pendapatan suami mereka.

Dari kedua-dua jadual 4.3 (a) dan (b), didapati kebanyakan pendapatan penduduk di Kampung Genuang Baru adalah di antara \$100 hingga \$400 sebulan. Akan tetapi terdapat juga beberapa orang responden yang suami mereka berpendapatan melebihi \$1,000 sebulan; yakni dari mereka yang menjalankan perniagaan.

Jadual 4.3 (a)

Pendapatan Antara Suami Dan Isteri (\$)

Bil. Responden	Pendapatan Suami	Pendapatan Isteri	Perbezaan Pendapatan
1	100	150	50
2	100	100	-
3	250	Tidak bekerja	-
4	250	"	-
5	400	"	-
6	1500	Tidak dapat ditentukan	-
7	200	304	104
8	150	200	50
9	250	250	-
10	250	300	50
11	250	250	-
12	1350	Tidak dapat ditentukan	-
13	275	Tidak bekerja	-
14	200	"	-
15	700	660	40
16	290	290	-
17	150	150	-
18	270	Tidak bekerja	-
19	1500	Tidak dapat ditentukan	-
20	120	120	-
21	250	Tidak bekerja	-

...
ambungan
 ...

Bil. Responden	Pendapatan Suami	Pendapatan Isteri	Perbezaan Pendapatan
22	250	250	-
23	Meninggal Dunia	350	-
24	"	170	-
25	200	327	127
26	130	130	-
27	300	Tidak bekerja	-

Jadual 4.3 (b)

Pendapatan Antara Bapa Dan Anak Perempuan (\$)

Bil. Responden	Pendapatan Bapa	Pendapatan Anak	Perbezaan Pendapatan
1	300	300	-
2	300	150	150
3	600	240	360
4	400	200	200
5	420	Tidak dapat ditentukan	-
6	550	200	350
7	280	126	154
8	400	200	200

Walaupun pada lazimnya, suami selalunya bertanggungjawab di dalam mencari nafkah rumahtangga tetapi dengan adanya penglibatan kaum wanita di bidang ini, maka sedikit sebanyak telah dapat membantu suami menyetabilkan pendapatan dan perbelanjaan keluarga. Jadual 4.3 (a) misalnya, menunjukkan bahawa penglibatan beberapa orang isteri secara sambil-sambilan di bidang-bidang tertentu sebagai satu saluran menambah pendapatan telah menjadikan jumlah pendapatan mereka dalam sebulan adalah melebihi daripada pendapatan suami mereka. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa kes di dalam jadual 4.3 (a) di mana pendapatan isteri adalah lebih lumayan daripada pendapatan suami walaupun bekerja di estet yang sama. Menurut mereka, keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh keadaan lot getah yang diberikan untuk ditoreh; di mana kadangkalanya lot getah isteri mengeluarkan lebih banyak susu getah daripada lot getah yang diberikan kepada suami. Corek pendapatan begini walaupun bagaimanapun adalah berubah-ubah di sepanjang tahun kerana selalunya keadaan ini dipengaruhi oleh keadaan iklim dan cuaca di kawasan tersebut.

Dari jadual 4.3 (b) pula didapati kebanyakan hasil pendapatan responden adalah lebih rendah daripada pendapatan bapanya; kecuali ialah pendapatan seorang responden yang menyamai pendapatan bapanya. Manakala responden yang menduduki bilangan (5) tidak dapat menentukan pendapatannya kerana beliau sebenarnya membantu bapanya menoreh di ladang sendiri, tidak seperti rakannya yang lain yang mengambil upah menoreh di estet. Oleh kerana itu, jadual 4.3 (b) tersebut tidaklah menunjukkan apa-apa kelainan sebagaimana jadual 4.3 (a) kerana gadis-gadis ini belum lagi berpeluang untuk menambahkan pendapatan mereka melalui saluran ekonomi lain selain daripada pertanian.

BAB V

WANITA DAN KEGIATAN SOSIAL

Sebagaimana corak tradisi dan juga pandangan Islam, tugas utama wanita adalah sebagai ibu yang menguruskan hal ehwal rumahtangganya. Biesanz dan Biesanz (1969: 537) dan Huber (1973) juga telah menyetujui pandangan begini iaitu:

"Husbands and wives should follow traditional roles, the husband as provider, the wife as homemaker and mother."

Huber (1973: 289)

Justeru itu dapatlah kita katakan bahawa wanita umumnya, baik bujang atau bersuami, beranak atau tidak tetap mempunyai tanggungjawab rumahtangga yang lebih berat daripada lelaki; menjaga rumah, anak-anak ibubapa yang tua dan saudara mara yang uzur adalah kerja yang masih tetap diberikan kepada wanita. Akibat dari segala-galanya ini, boleh dikatakan semua wanita bekerja berlebihan atau sekurang-kurangnya merasa terlalu penat kerana pertentangan-pertentangan rasa yang timbul dalam jiwa mereka sebagai pemegang "dua peranan".

Jika di bidang ekonomi, wanita berperanan sebagai tenaga pembantu menampung pendapatan keluarga dengan kerja-kerja tetap atau sambilan yang dapat dilakukannya; tetapi di bidang sosial pula akan dilihat peranan dan perhubungan mereka di dalam dan di luar lingkungan rumahtangga. Di dalam

lain perkataan, di bidang sosial ini melihat wanita dalam konteks bagaimana mereka mengujudkan perpaduan di dalam keluarga dan masyarakat.

Justeru itu untuk mendalam bidang sosial ini, peranan dan penglibatan wanita akan dilihat dari 3 sudut iaitu:

- a. Wanita di dalam keluarga dan rumahtangga
- b. Wanita dan jiran-jiran sekelilingnya
- c. Penglibatan wanita di dalam aktiviti-aktiviti sosial yang telah sedia terdapat di dalam masyarakatnya.

5.1 Wanita Di dalam Keluarga Dan Rumahtangga

Rumahtangga dapatlah ditakrifkan sebagai satu tempat kediaman di mana terdapatnya satu unit sosial yang terkecil sekali iaitu keluarga nuklear ataupun boleh didapati unit sosial yang paling besar iaitu keluarga extended. Bagi masyarakat Melayu sebuah rumahtangga itu selalunya didiami oleh unit sosial yang paling kecil iaitu keluarga nuklear.

Keluarga pula dapat ditakrifkan sebagai suatu sistem sosial di mana anggota-anggotanya berinteraksi menurut cara-cara dan norma-norma yang dikenal dan mantap yang mempersatukan mereka (kerana ada kepentingan bersama dan sebagainya) dan yang membezakan mereka dari bukan anggota keluarga. Oleh kerana itulah bagi masyarakat Melayu hidup di dalam lingkungan anggota keluarga amatlah disenangi kerana dirasakan keselamatan mereka adalah lebih terjamin. Maka dari pemerhatian inilah M.G. Swift (1965) mengatakan:

"The nuclear family of husband, wife and dependent children is the most common form of domestic grouping, and also the major social unit in day-to-day living."

Swift (1965: 102)

Dari apa yang dinyatakan oleh Swift mengenai keluarga nuklear, maka dapatlah dikatakan bahawa ianya mengandungi beberapa individu iaitu suami dan isteri yang dihubungkan melalui perkahwinan, serta anak-anak mereka sendiri yang dilahirkan hasil dari perkongsian hidup tersebut ataupun secara mengambil anak angkat.

Antara anggota-anggota keluarga ini pula memang telah jelas mengenai hak dan tanggungjawab masing-masing; dan masyarakat Melayu yang beragama Islam ini sememangnya telah mengikuti peraturan yang telah ditetapkan di dalam Hukum Islam mengenai soal-soal dan hak-hak di dalam rumahtangga. Seorang bapa yang juga merupakan seorang suami adalah sebagai ketua di dalam sesebuah rumahtangga, manakala seorang isteri yang juga seorang ibu itu merupakan sebagai pembantunya dalam menguruskan rumahtangga. Urusan rumahtangga yang dijalankan oleh si isteri ini selalunya berpandukan kepada keperluan-keperluan sehari-hari.

Adalah didapati jika dilihat pada sudut rumahtangga ataupun keluarga itu, seseorang wanita mungkin memainkan berbagai peranan yakni sebagai kakak, isteri, ibu, nenek dan sebagainya lagi. Oleh itu peranan dan corak perhubungan mereka dengan anggota keluarga atau rumahtangga tersebut adalah mengikut status-status yang dipegangnya.

Dari kajian yang dijalankan di dalam masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru, didapati peranan isteri yang dimainkan oleh wanita-wanita di sini dapatlah dibahagikan kepada 3 golongan:

- a. Wanita hanya sebagai suri rumahtangga
- b. Wanita menjadi suri rumahtangga di samping bekerja secara sampingan membantu suami di luar rumah tanpa mendapat apa-apa bayaran
- c. Wanita memainkan kedua-dua peranan yakni sebagai suri rumahtangga dan juga pekerja tetap di luar rumah, yang mendapat bayaran kewangan.

Jika dibandingkan ketiga-tiga golongan ini, wanita-wanita masyarakat pekebun kecil getah ini yang hanya menjadi suri rumahtangga sepenuh masa adalah sepertiga daripada bilangan responden yang ditemui, yakni di dalam lingkungan 29% (rujuk jadual 3.1) sahaja. Golongan (a) ini adalah terdiri dari mereka yang semasa mempunyai anak yang masih kecil ataupun dari mereka yang umurnya telah meningkat tua. Walaupun golongan (a) ini dapat dikatakan paling ideal dalam perjalanan hidup seorang wanita akan tetapi bagi wanita-wanita masyarakat pekebun kecil ini tidaklah pula begitu anggapannya kerana mereka mempunyai alasan-alasan tertentu untuk tidak bekerja. Ada antara mereka yang telahpun bekerja sejak dari zaman gadisnya dan terpaksa berhenti kerana berkahwin serta mempunyai anak kecil; dan bagi yang berumur pula telahpun bekerja sebelum terpaksa berhenti atas sebab-sebab umur dan keuzuran.

Golongan (b) pula sememangnya menunjukkan keadaan sebenar atau "reality" hidup wanita-wanita masyarakat luarbandar. Tanpa mengharapkan sebarang bayaran dari keringat dan tenaga yang dikeluarkan mereka bekerja bersama-sama suami sebagai pembantu bagi melicinkan dan mempercepatkan kerja-kerja tersebut. Keadaan ini menyebabkan wanita-wanita ini kadangkalanya menjadi tenaga utama di dalam pekerjaan tersebut apabila apa-apa sahaja berlaku ke atas suami mereka. Bagi masyarakat pekebun kecil getah ini, kalangan wanita yang termasuk ke dalam golongan ini adalah lebih kurang 14%; yakni termasuklah beberapa orang, isteri dan anak gadis. Boleh dikatakan kesemua mereka menolong kerja-kerja suami dan ibu-bapa menoreh getah dan memesin susu getah kepada getah keping. Dengan adanya tenaga tambahan ini, sudah tentulah kerja-kerja menoreh ini dapat disiapkan secepat mungkin berbanding dengan masa berbanding dengan masa yang terpaksa diambil ataupun dibuang oleh seorang tenaga kerja. Sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya, wanita-wanita yang menjadi tenaga pembantu ini tidaklah akan menerima apa-apa bayaran ataupun upah hasil dari tenaga yang mereka keluarkan apabila getah-getah kepingan ini dijual. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa wanita-wanita ini bekerja adalah berdasarkan kesedaran mereka untuk membantu suami atau ibu-bapa dalam pentadbiran ekonomi keluarga.

Penglibatan golongan (b) ini adalah menggalakkan kerana mereka tidak mengabaikan tugas mereka sebagai isteri atau ibu yang perlu menguruskan hal-hal rumahtangga manakala anak-anak gadis ini pula tidak melupakan tanggungjawab membantu ibu dalam hal-hal pengurusan rumahtangga dan keluarga, seperti membantu memasak, menjaga adik-adik

dan sebagainya lagi.

Golongan (c) juga menunjukkan realiti kehidupan wanita luar-bandar tetapi ianya begitu bertentangan sekali dengan golongan (a) yang dianggap ideal itu. Dari kesemua wanita yang ditemui, dapatlah dikatakan 3/4 @ 57% daripadanya termasuk ke dalam golongan ini; dan dari 57% ini kebanyakan daripada mereka adalah suri rumahtangga. Golongan ini dapatlah dianggap sebagai "wage earners" bagi menampung ekonomi keluarga, sama-sama bekerja dengan suami di ladang getah, ladang kelapa sawit dan kerja-kerja kongsi-kong. Walaupun golongan ini adalah suri rumahtangga sebagaimana golongan (a) tersebut, tetapi mereka merasai bantuan mereka diperlukan untuk membantu keadaan ekonomi keluarga. Apabila selesai tugas-tugas di luar rumah ini, tugas-tugas rumahtangga yang kadangkalanya terbengkalai dari waktu pagi lagi akan terus dilaksanakan dengan sempurna agar keadaan rumahtangga mereka kembali. Walaupun kedua-dua peranan ini yakni sebagai suri rumahtangga dan kaum pekerja ini agak berat tugas-tugasnya tetapi wanita-wanita atau isteri-isteri ini dapat melakukannya dengan agak baik.

Penglibatan kedua-dua golongan (b) dan (c) adalah sungguh menggalakkan kerana walaupun kedua-dua tugas yang mereka lakukan yakni tugas di rumah dan di ladang adalah sama beratnya, tetapi masih terdapat di kalangan mereka yang mampu menyertai aktiviti-aktiviti persatuan (Persatuan Wanita Pekebun Kecil - PWPK) yang diadakan saban petang kecuali hari minggu. Aktiviti yang diadakan dari jam 2 - 4 petang ini dapat mereka hadziri dan laksanakan dengan sempurna di samping menjalankan tugas-

tugas rumahtangga yang banyak dan berat.

Begitulah peranan yang dimainkan oleh para isteri termasuk juga beberapa orang gadis masyarakat pekebun kecil getah Kempung Genuang Baru yang kebanyakannya memainkan dua peranan di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Walaupun menjadi sebagai suri rumahtangga sepenuh masa itu adalah satu peranan yang ideal tetapi setelah berlakunya berbagai perubahan di dalam keadaan ekonomi, maka para isteri serta beberapa orang gadis yang ditemui telah menjalankan dua peranan di dalam lingkungan keluarga dan rumahtangga mereka di atas kesedaran bahawa tenaga mereka diperlukan untuk membantu ekonomi keluarga.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, di dalam sesebuah rumahtangga atau keluarga itu, terdapat wanita-wanita yang menjadi isteri, ibu, nenek, kakak, adik dan sebagainya. Oleh kerana status ini telah mencorakkan hubungan mereka dengan anggota keluarga, maka selalunya perhubungan yang berlaku adalah berkaitan dengan peranan dan status yang dipegang mereka.

Ibu selalunya menjadi pusat di dalam hubungan atau interaksi anggota keluarga. Tambahan pula ibu selalunya mempunyai hubungan yang rapat dengan anak-anak, maka ibu adalah tempat mengadu dan mencurahkan segala masalah. Tidak dapat dinafikan bahawa ibu jugalah yang membentuk sifat dan sikap peribadi anak-anak samada melalui cara formal ataupun informal dan telah terbukti bahawa pendidik utama atau pembina utama bagi keperibadian anak adalah ibu kerana pada tahun-tahun pertama dari pertumbuhan, anak lebih banyak berhubungan dengan ibunya daripada

bapaknyanya. Oleh kerana itu pengalaman apapun yang didapati anak melalui ibunya, akan berkumpullah semuanya menjadi bahagian terbesar dari keperibadiannya. Apabila si ibu banyak memberikan pengalaman yang menyenangkan bagi anak, maka unsur positiflah yang akan bertumbuh dalam keperibadian anak. Maka dari peranan sebagai suri rumahtangga dan ibu, kaum wanita telah diibaratkan sebagai tiang rumahtangga dan sebagai tiang masyarakat.

Justeru itu dari penyelidikan pengkaji, para isteri merangkap juga sebagai ibu di Kampung Genueng Baru ini adalah merupakan pusat perhubungan dan interaksi anggota-anggota keluarga. Walaupun dapat dikatakan mereka sibuk dengan tugas-tugas rumahtangga di samping tugas-tugas di ladang; juga aktiviti-aktiviti persatuan (khususnya pada isteri-isteri bagi golongan (b) dan (c) tetapi mereka masih mampu untuk melayani kehendak anggota keluarga mereka. Walaupun mereka tidak dapat bernesra dengan anak-anak di waktu siang harinya. Tetapi pada waktu malam si ibulah yang selalunya melayani anak-anak ketika mereka mengulangkaji pelajaran mereka. Bagi kebanyakan ibu-ibu yang ditemui mengatakan bahawa waktu malamlah masa lapang mereka dan di ketika inilah mereka dapat berkumpul dengan semua anggota keluarga, contohnya bersama-sama makan malam dengan anggota keluarga.

Bagi beberapa orang gadis yang ditemui perhubungan mereka dengan anggota keluarga adalah sebagaimana yang telah dicorekkan oleh status yang dipegang mereka. Sebagai seorang kakak, mereka mestilah menolong ibu dalam kebanyakan urusan rumahtangga, juga menolong mengasuh adik-adik yang masih kecil. Juga sebagai seorang anggota

keluarga yang paling tua dan lebih berpengalaman dan adik-adik yang masih kecil mereka juga kadangkalanya dipertanggungjawabkan untuk melihat atau membantu adik-adik di dalam pelajaran samada pelajaran sekolah ataupun pelajaran agama, kerana didapati mereka ini lebih berpengalaman daripada ibu-bapa mereka. Jadi selalunya apabila telah selesai tugas-tugas urusan rumahtangga dan aktiviti persatuan, gadis-gadis ini akan menumpukan perhatian kepada adik-adik mereka pula.

Walaupun begitu, di samping melakukan tugas-tugas di dalam rumahtangga, adalah didapati bahawa gadis-gadis inilah yang merupakan ahli-ahli yang aktif di dalam PWFK. Keaktifan mereka dapat dilihat dari mana merekalah yang selalunya diangkat menjawat jawatan-jawatan penting di dalam persatuan. Ini adalah disebabkan mereka masih muda dan tiada mempunyai tanggungjawab yang berat/banyak ke atas keluarga dan diharapkan mereka boleh menjalankan tugas-tugas persatuan yang lebih memuaskan daripada mereka yang telah bersuami dan mempunyai anak. Walaupun gadis-gadis ini dikatakan tidak mempunyai tanggungjawab yang banyak dan berat kepada keluarga tetapi adalah didapati mereka selalunya perlu menyelesaikan tugas-tugas ke atas rumahtangga dahulu sebelum menghadiri aktiviti persatuan. Oleh kerana itu adalah didapati keadaan mereka dapat dikatakan hampir sama dengan golongan isteri dan ibu tersebut.

Justeru itu dapatlah dikatakan bahawa wanita di dalam lingkungan keluarga dan rumahtangga walaupun lebih banyak menitikberatkan tugas-tugas sosial, tetapi mereka masih melibatkan diri di dalam hal-hal ekonomi

keluarga. Ekonomi rumahtangga misalnya begitu tergantung kepada kebijaksanaan wanita yang menjadi pengurusnya di mana tujuannya adalah untuk mendapatkan hasil yang sebenar-benarnya dari perbelanjaan yang sekecil-kecilnya.

Sekali lagi untuk melihat dengan lebih teliti mengenai peranan dan penglibatan wanita di dalam lingkungan rumahtangga (tidak juga melupai bahawa mereka juga bekerja). Maka diperturunkan jadual kegiatan harian wanita-wanita ini secara umum dalam sehari. Jadual ini sebenarnya adalah merupakan jadual bagi responden yang bekerja, yakni dari golongan (b) dan (c), sebagai penoreh getah di waktu paginya di samping mereka juga merupakan sebilangan daripada ahli-ahli yang aktif di dalam PWPK.

Pengkaji juga mendapati jadual kegiatan harian responden (isteri) yang menjadi suri rumah sepenuh masa juga hampir-hampir menyamai jadual di atas, cuma antara pukul 6 - 12 tengahari sahaja kegiatan mereka agak berlainan sedikit di mana di waktu ini suri rumah-suri rumah tersebut dapat menguruskan rumahtangga mereka berbanding dengan isteri-isteri lain yang bekerja di ladang. Jadi antara jam ini hingga ke pukul 2.00 petang, suri rumah-suri rumah ini dapat menjalankan kerja mereka dengan teratur tanpa tergesa-gesa dan setemusnya menghadiri kelas-kelas PWPK. Bagi mereka (suri rumah) yang tidak menyertai PWPK pula, di waktu petang inilah untuk mereka berihat-rihat, melawat-lawat ke rumah jiran atau pun bertani di kebun sayur-sayuran (bagi yang mempunyai kebun sayur).

Jadual 5.1

Kegiatan Harian Responden (Wanita) dalam Sehari

Masa (jam)	Jenis Kegiatan
5 - 6 pagi	Sediakan sarapan pagi untuk keluarga
6 - 12 t/hari	Ke ladang getah, antara kerja-kerja yang di buat: 1. Memarahkan kaula kaula 2. Memarahkan kaula kaula 3. Memarahkan kaula kaula 4. Memarahkan kaula kaula 5. Memarahkan kaula kaula 6. Memarahkan kaula kaula - menoreh - Memangut susu getah - Memproses susu getah kepada getah keping dan selalunya ditolong oleh anak-anak lelaki (bagi yang berkebum getah sendiri) - bagi yang menoreh di estet pula, cuma menghantar susu getah ke kilang
Tengahari:	
12 - 2.30	Menguruskan hal-hal rumahtangga seperti mengemas rumah, memasak dan mencuci pakaian
Petang:	
2.30 - 5.00	Mengikuti kelas-kelas PWRK di Mini Dewan
Malam:	
5.00 - 9.00	Sekali lagi menguruskan hal-hal rumahtangga seperti memasak untuk makan malam serta membantu anak-anak belajar. Waktu malam merupakan waktu rihat bagi responden-responden.

Di dalam masa penyelidikan pengkaji, adalah didapati bahawa kegiatan begini merupakan "routine" kerja/kegiatan mereka sehari-hari.

Jadual 5.1 (b)

Pembahagian Tugas Dalam Rumahtangga

Jenis Tugas	Orang Yang Melakukan dan Kekerapan Setiap Masa	Kadangkadangkang
1. Memasak	isteri	anak perempuan
2. Membasuh kain baju	"	"
3. Berkemas rumah	"	"
4. Membersihkan kawasan rumah	"	suami/anak lelaki
5. Menjaga anak-anak/adik-adik	"	anak perempuan
6. Menjahit	"	"
7. Mengambil air/kayu api	suami	anak lelaki
8. Ke pasar	"	anak perempuan

Jika diteliti pada jadual 5.1 (b), dapatlah dikatakan bahawa pembahagian tugas di dalam rumahtangga adalah menunjukkan ciri-ciri biologikal, sebagaimana yang disarankan oleh golongan tradisional; di mana kerja-kerja yang bersifat "domestic" diserahkan kepada wanita, manakala kerja-kerja yang agak berat walaupun masih melingkungi hal-hal rumahtangga diserahkan kepada kaum lelaki. Bagi kerja-kerja/tugas-tugas 1 - 6, orang yang melakukannya setiap masa ialah ibu ataupun isteri dan tugas-tugas ini kadangkalanya dibantu oleh semada suami/bapa, anak perempuan ataupun anak lelaki; manakala tugas-tugas mengambil air/kayu api dan ke pasar, selalunya dilakukan oleh bapa/suami dan

kadangkalanya dilakukan oleh anak lelaki ataupun anak perempuan.

Maka dengan adanya pembahagian tugas yang sebegini rupa, sedikit sebanyak tugas-tugas di dalam rumahtangga dapat diselaraskan dengan baik dan licin sekali; dan tentulah tidak mengganggu pekerjaan isteri/ibu di luar rumahtangga semada ia bekerja di waktu paginya dan bergiat pula di dalam pergerakan sosial di waktu petang hari. Dengan itu segala kerja-kerja yang dilakukan ataupun diceburinya dapat dilakukan dengan licin dan lancar.

Umumnya, suami adalah ketua keluarga, tetapi kadangkalanya isteri terpaksa bertindak sebagai ketua keluarga yakni bilamana suaminya tidak ada di rumah. Malahan di dalam keluarganya sendiri tidak dapat dinafikan bahawa seseorang isteri itu kadangkalanya mempunyai sama banyak pengaruh dengan suaminya. Contohnya, wanita kerap kali membuat keputusan dalam hal-hal kewangan. Bagi penduduk Kampung Cenuang Baru pula, pengkaji mendapati kebanyakan suami lebih gemar menyerahkan sebahagian daripada wang pendapatan mereka kepada isteri masing-masing untuk disimpan ataupun digunakan dalam perbelanjaan keluarga. Menurut mereka ini, wanita lebih teliti dalam hal-hal perbelanjaan keluarga.

Anak-anak pula lebih gemar meminta keizinan dari ibu untuk keluar rumah. Dalam hal ini didapati keizinan bapa kurang perlu kerana selalunya ibulah yang mewakili bapa dalam hal-hal membenarkan anak-anak melakukan sesuatu, cuma keizinan bapa diperlukan apabila anak-anak ini ingin keluar lebih jauh dari kawasan tempat tinggal

mereka. Contohnya, jika hendak keluar ke Johor Bahru ataupun tempat-tempat lain.

Dalam hal-hal kesihatan pula, para isteri dan suami di kampung ini menyetujui bahawa wanitalah yang banyak memikul tanggungjawab apabila anggota keluarga diserang penyakit. Walau bagaimanapun, suami selalunya sama-sama memberi bantuan apabila anak-anak akan dibawa ke hospital ataupun klinik untuk berubat. Dalam bidang pelajaran anak-anak pula, kedua-dua bapa/suami dan ibu/isteri bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak mereka.

5.2 Wanita Dan Jiran Tetangga

Setelah lama bergaul, maka biasanya jiran tetangga itu akan disifatkan sebagai saudara sendiri. Justeru itu akan lahirilah perasaan saling bantu membantu dan tolok ansur antara mereka. Perhubungan begini selalunya dipereratkan lagi melalui kegiatan pekerjaan, persatuan dan aktiviti-aktiviti sosial yang berdasarkan kepada hubungan dan interaksi peremuakan.

Walaupun pada hakikatnya kegiatan pekerjaan tidaklah begitu melibatkan hubungan peremuakan kerana tempat-tempat kerja yang berlainan tetapi aktiviti-aktiviti sosial yang lain seperti kerja-kerja gotong-royong, kenduri-kendara, kelas-kelas memasak dan kraftangan melahan peristiwa kematian boleh merapatkan lagi tali persaudaraan yang telah sedia terjalin antara satu-satu keluarga dan jiran tetangganya.

Selain daripada itu, dalam pengelompokan yang dinamakan kampung itu lazimnya terdiri dari mereka yang mempunyai pertalian darah antara satu sama lain, serta juga terdiri daripada mereka yang mempunyai latarbelakang yang ^{sama} sama disegi pekerjaan, bahasa dan lain-lain lagi. Misalnya, di kawasan ini terdapatnya seorang responden yang rumahnya di kelilingi oleh lima buah rumah anak-anak menentunya, selain daripada beberapa buah rumah jiran tetangga.

Oleh kerana pekabun-pekabun kecil gatah ini adalah orang-orang mendatang (yakni bukan penduduk asal kampung ini) maka jiran tetanggalah yang merupakan tempat untuk mengadu atau meminta pertolongan bila menghadapi masalah kewangan. Walaupun kedudukan rumah antara satu sama lain agak berjauhan juga, tetapi perhubungan antara mereka adalah erat. Ini berkemungkinan kerana bilangan penduduk yang agak kecil, maka tiap seorang dari mereka itu begitu mengenal tetangga-tetangganya. Contohnya, di dalam kenduri kahwin biasanya jiran tetanggalah yang merupakan orang-orang yang penting untuk membantu dalam menyediakan persiapan yang diperlukan seperti membuat kerisik, menyang daging ataupun ayam, memasak, mencuci panggan-mangkok dan segala macam kerja lagi. Dan selalunya ahli-ahli PWPKlah (wanita-wanita dari kampung ini) yang melaksanakan tugas-tugas ini hinggalah kepada menghidangkan makanan serta juga memainkan alat-slat kumpang. Dari sebab-sebab kerjasama dan memerlukan antara satu sama lain inilah yang menjadikan perhubungan mereka begitu erat.

Selain daripada itu bila tiba musim buah-buahan, terdapat beberapa buah rumah yang akan mengadakan kenduri. Kenduri ini dapat

mengujudkan perasaan kekitaan di antara mereka. Justeru itu ujudlah satu pertalian yang erat. Penduduk kampung ini selalunya bersama-sama menghadapi kesusahan yang timbul di antara mereka.

Selain daripada cara-cara begini yang menghubungkan mereka antara para tetangga sering juga melawat atau menziarahi jiran-jiran mereka. Ketika melawat inilah mereka bertanya khabar keluarga yang dilawati. Oleh kerana itu jika sesebuah keluarga itu baik dan ramah, maka ramailah pelawat yang terdiri daripada jiran tetangga yang melawatnya, malahan budak-budak sekalipun gemar berkunjung ke rumah tersebut.

Wanita-wanita ini juga seringkali bertemu muka dengan jiran-jiran mereka di perigi ataupun kolam, yakni ketika sama-sama mencuci kain baju. Oleh kerana masa habis kerja di ladang itu selalunya sama maka tak hairanlah kalau mereka selalu bertemu ketika mandi ataupun mencuci kain. Pertemuan secara bersamuka inilah yang sedikit sebanyak mengeratkan lagi hubungan mereka.

Sepanjang masa penyelidikan pengkaji yakni selama tiga minggu, adalah didapati kurang beriakunya krisis antara jiran sesama jiran khususnya antara kaum wanitanya. Ini berkemungkinan kerana mereka adalah orang-orang mendatang yang sama-sama menohon tanah kerajaan dan dengan kesedaran bahawa mereka sebenarnya jauh dari sanak saudara, maka mereka merasai bahawa perlunya ada kerjasama dan sifat-sifat tolong menolong antara satu sama lain supaya semua kerja-kerja yang ingin dijalankan akan berjaya dan dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna.

Inilah menjadikan mereka hidup dengan perasaan kekitaan yang kuat dan tegoh.

Walaupun begitu tidaklah dapat dinafikan bahawa ada juga timbul perasaan kecil hati di kalangan wanita-wanita ini akibat dari sesuatu perkara, cuma perasaan tidaklah digembur-gemburkan supaya menjadi satu kes yang besar. Mereka yang mengalaminya ini nampaknya lebih suka perkara ini didiamkan supaya pergaduhan tidak berlaku yang mana boleh memecahkan keteguhan perasaan kekitaan mereka yang juga boleh meruntuhkan masyarakat pekebun kecil itu sendiri. Justeru itu sebagaimana kata perpatah, "Lautan mana tidak bergelombang" maka masyarakat ini walaupun kuat perpaduan mereka tetapi ada juga terdapatnya perasaan kecil hati antara penduduk-penduduknya walaupun kecil bilangannya dan kesedaran terhadap perlunya kerjasama dan tolong menolong sedikit sebanyak telah dapat melenyapkan perasaan tersebut. Ini menjadikan mereka khususnya wanita masyarakat ini dapat hidup bersama, bergaul mesra dan tolong menolong sesama mereka, sifat begini lebih banyak ditunjukkan oleh ahli-ahli PWPK.

5.3 Wanita Di dalam Organisasi-organisasi Sosial

Secara umumnya dapatlah kita menerima kenyataan yang menggalakkan bahawa sesuatu kerja atau tindakan itu akan lebih cepat, lebih sempurna kejayaannya jika dilakukan secara beramai-ramai yakni secara berkongsi ataupun melalui persatuan. Selain daripada itu bukan sahaja kerja-kerja tersebut lebih cepat dan sempurna siapnya, tetapi juga melalui

persatuan juga ahli-ahlinya akan dapat menambah pengetahuan, memperbanyak kenalan serta juga dapat bertukar-tukar pendapat dengan para pegawai ataupun guru-guru yang mengawasi persatuan mereka.

Maka dari hekiket inilah, ramai wanita-wanita masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru ini telah beramai-ramai mendaftar dan menjadi ahli bagi Persatuan Wanita Pekebun Kecil dan juga Pertubuhan Wanita UMNO serta Pertubuhan Kumpang. Ketiga-tiga pertubuhan inilah yang merupakan pergerakan sosial yang terdapat di kampung tersebut dan yang paling aktif pergerakannya ialah Persatuan Wanita Pekebun Kecil.

Di bawah tajuk ini pengkaji akan meneliti ketiga-tiga persatuan ini secara satu persatu untuk melihat tarikan persatuan ini kepada wanita-wanita masyarakat pekebun kecil getah ini, dan juga kesan persatuan ini ke atas penglibatan mereka.

5.3 (a) Persatuan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)

PWPK Kampung Genuang Baru sebenarnya telah ditubuhkan pada 22hb. Oktober 1979, dengan tujuan utamanya untuk menajukan wanita pekebun kecil. Sejak dari tarikh penubuhannya, bilangan ahli-ahlinya nampaknya kian berkurangan kerana kebanyakan mereka telah berkahwin dan mengikut suami masing-masing. Antara alasan-alasan lain berkurangnya ahli-ahli PWPK ini ialah ahli-ahli tersebut telah bertukar tempat kerje, terdapat ahli-ahli yang terpaksa berhenti buat sementara waktu kerana anak-anak masih kecil di mana difikirkan bahawa mereka perlu bersama-sama

anak-anak mereka terlebih dahulu; juga terdapat ahli-ahli yang terus berhenti dari menjadi ahli kerana telah usur. Akan tetapi walaupun bilangan ahli-ahlinya kian berkurangan, tetapi berkat kegigihan ahli jawatankuasanya serta ahli-ahli yang lain, persatuan ini telah dapat meneruskan aktiviti-aktiviti mereka sehingga nama persatuan ini telah mula dikenali di negeri Johor.

Dari jawatankuasa yang seramai 9 orang, persatuan ini telah membahagikan kegiatan mereka kepada empat iaitu ekonomi, agens, kesihatan dan kebudayaan, dan antara keempat-empat aktiviti ini, aktiviti ekonomi dan kebudayaannya yang paling menonjol kegiatannya. Justeru itu sebelum meneliti kegiatan PWPK secara lebih lanjut, eloklah dilihat dahulu carta aktiviti mereka ketika kajian ini dilakukan.

Dari carta ini adalah didapati bahawa aktiviti ekonomi dan kebudayaan menjadi tumpuan utama PWPK. Kelas jahitan dan kelas gubahan lebih merupakan pelajaran-pelajaran dan praktikal untuk pengetahuan ahli-ahli sahaja tetapi bagi kelas-kelas masakan dan membuat kueh-mueh untuk jualan ringan lebih merupakan sumber-sumber untuk perniagaan persatuan di samping mengajar ahli-ahli tersebut pengetahuan untuk membuat bahan makanan tersebut, dengan harapan ianya dapat menjimatkan perbelanjaan ekonomi keluarga para ahli.

PWPK yang mula-mulanya ditubuhkan sebagai pertubuhan wanita desa ini menjadi lebih aktif setelah mendapat bantuan dari pihak RISDA. Maka dengan adanya kelas-kelas saban petang ini kecuali hari Ahad

Jadual 5.3 (a)

Carta Aktiviti PWFK

KELAS JAHITAN

1. Kemaja
2. Baju kurung moden
3. Pakaian seragam sekolah
4. Sulam-menyulam

KELAS MASAKAN

1. Membuat mee basah
2. Membuat mee siput
3. Masakan cara moden

PWFK

PASUKAN KOMPANG

1. Menyambut hari-hari perayaan
2. Upacara perkahwinan
3. Menyambut siri lawatan pembesar
4. Majlis Musebaqah Al-Quran

JUALAN RINGAN

1. Kueh buah rotan
2. Kueh siput
3. Kueh kerapek pisang
4. Kueh tumpie
5. Kueh rempeyek

KELAS GUBAHAN

1. Bunga dari kertas
2. Pakaian pengantin
3. Lipatan

maka diharapkan wanita-wanita di Kampung Genuang Baru ini tidak akan terbuang masanya dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah di samping mereka dapat juga mempraktikkan pelajaran yang diberikan serta dapat berjimat cermat dalam perbelanjaan dapur keluarga.

Kredit/pujian haruslah diberikan kepada pihak RISDA daerah Segamat kerana banyak memberikan bantuan tenaga dan peralatan supaya PWPK Kampung Genuang Baru ini mencapai kejayaan. Antara bantuan-bantuan yang diberikan ialah pembinaan Mini Dewan yang telah direstui oleh Menteri Pertanian Malaysia Datuk Sri Shariff Ahmad pada 6hb. Mac 1981 lalu dengan adanya Mini Dewan ini, segala aktiviti PWPK yakni kelas-kelas menjahit memasak serta gubahan akan lebih sempurna lagi perjalanan kerana telah adanya tempat yang tetap. Selain daripada itu, bantuan-bantuan lain dari pihak RISDA adalah berupa alat-alat dapur, alat-alat menjahit, pembinaan tandas dan juga bilik air, di samping bantuan-bantuan akan datang berupa 3 buah mesin jahit dan generator dari Kementerian Pertanian.

Bila diteliti aktiviti-aktiviti PWPK sejak dari ditubuhkan lagi hinggalah ketika penyelidikan ini dijalankan, memang tidak dinafikan bahawa kegiatan mereka makin lancar dan maju. Aktiviti permulaan yang dilakukan mereka ialah jualan kueh-mueh secara kecil-kecilan di pasar malam yang diadakan seminggu sekali di Kampung Melayu Raya. Walaupun keuntungan yang didapati agak kecil puratanya \$5 untuk sebulan tetapi PWPK dapat bertahan selama 4 bulan untuk menjalankan jualan kecil-kecilan ini.

Selapas aktiviti ini, mereka memulakan aktiviti kedua iaitu perniagaan minyak petrol untuk kegunaan ahli-ahli (kebanyakan ahli mempunyai motosikal sendiri yang digunakan untuk pergi menoreh di estet) dengan harga sebotol antara 75 sen hingga 80 sen. PWPK dapat bertahan

Jadual harga adalah seperti berikut:
dengan perniagaan ini selama 6 hingga 7 bulan dengan mendapat keuntungan
\$6 hingga \$8 bagi sebuah tong minyak petrol.

Akan tetapi aktiviti yang masih dijalankan hingga sekarang dan
di pasaran di kawasan tempatan ialah perniagaan kerepek ubi pedas dan
sagun. Bahan-bahan makanan ini dijual di pasar malam ataupun dihantar
ke kantin sekolah. Akan tetapi perniagaan makanan sagun kadangkala
terpaksa diberhentikan kerana kekurangan kelapa.

PWPK juga telah berura-ura untuk menjahit uniform sekolah rendah
dan menengah tetapi belum dapat dilaksanakan kerana ahli-ahlinya belum
mahir. Apabila ahli-ahli telah mahir dalam lapangan ini, PWPK berhajat
untuk mengambil tender dari mana-mana sekolah berdekatan untuk menjahit
uniform sekolah.

Satu lagi aktiviti yang begitu rancak dijalankan oleh ahli-ahli
PWPK Kampung Genuang Baru ialah memasarkan kueh-kueh buah rotan, kerepek pisang
serta kueh rempeyek ke beberapa daerah berdekatan. Kueh-kueh ini di pasaran
dengan pertolongan bahagian pemasaran pihak RISDA Segamat. Justeru itu
didapati, perniagaan kueh-kueh kering ini adalah merupakan aktiviti ekonomi
utama PWPK Kampung Genuang Baru.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PWPK ini adalah begitu
padat sekali. Dalam seminggu, 6 hari kecuali hari Ahad, adalah sahaja
kelas-kelas yang diadakan dan kelas-kelas ini diadakan di waktu petang

Jadual kelas adalah seperti berikut:

Isnin dan Selasa	- Kelas jahitan
Rabu	- Kelas mengait
Khamis	- Membuat kerepek pisang
Jumaat	- Membuat kueh buah rotan
Sabtu	- Kelas gubahan

Bagi kelas jahitan dan mengait, pihak KEMAS menghantarkan guru untuk memandu para ahli PWPK, sementara bagi kelas gubahan, seorang pegawai wanita RISDA yang juga merupakan pegawai bagi PWPK Kampung Gensang Baru adalah merupakan pengajar mereka. Sementara bagi hari Khamis dan Sabtu, mereka membuat kueh buah rotan dan kerepek pisang bersama-sama.

Dari sudut kebudayaan pula, PWPK juga telah menubuhkan unit Kumpulan Kompangnya sendiri dan disertai oleh kebanyakan ahli-ahlinya khususnya anak-anak gadis. Kumpulan ini mengadakan latihannya secara bergilir-gilir di rumah para ahli, dan latihan diadakan seminggu sekali yakni pada malam Ahad. Latihan selalunya diadakan bersama-sama dengan unit kompang kaum lelaki. Apabila tiba giliran latihan diadakan di rumah seseorang ahli itu, belian sekeluarga selalunya akan menyediakan jamuan ringan untuk ahli-ahli kumpulan kompang tersebut dan selalunya penyediaan jamuan ini dibantu oleh jiran tetangga yang dekat. Bagi unit kumpulan kompang wanita, latihan diadakan antara pukul 8 hingga 11 malam bersama unit kumpulan kompang lelaki, tetapi setelah latihan bagi wanita tamat unit kumpulan lelaki akan meneruskan latihan hingga pukul 2 pagi.

Sebagaimana menurut jadual 5.3 (a), unit kumpulan kompang ini

ditubuhkan untuk menyerikan/memeriahkan ketika menyambut hari perayaan, upacara-upacara perkahwinan, menyambut siri lawatan pembesar dan majlis musababah Al-Quran. Oleh kerana itu lagu-lagu yang dinyanyikan adalah diciptakan khas untuk upacara-upacara tersebut. Unit kumpulan kompang wanita ini sebenarnya mempunyai seorang guru yang memandu ketika latihan diadakan, tetapi bila guru tersebut tidak dapat menghadiri diri, kumpulan ini akan berlatih dengan unit kompang lelaki.

Dalam satu upacara perkahwinan yang telah dihadziri oleh pengkaji kedua-dua kumpulan kompang Kampung Genuang Baru telah dijemput memeriahkannya. Oleh kerana itu mereka bercantum dengan unit kumpulan kompang-kompang tersebut (Kampung Melayu Raya) dalam persembahan mereka di upacara perkahwinan tersebut. Kumpulan kompang ini selalunya mengarak pengantin lelaki hingga ke rumah pengantin perempuan yakni ke upacara persandingan di hari perkahwinan tersebut, dan juga mempersembahkan lagu-lagu mereka selepas itu. Akan tetapi di malam upacara berinai besar, kumpulan kompang juga dikehendaki mempersembahkan nyanyian mereka hingga tengahmalam. Justeru itu dengan adanya kumpulan kompang menyerikan upacara tersebut, majlis kenduri perkahwinan yang diadakan akan menampakkan lebih meriahnya. Ketika menghadiri majlis-majlis yang diadakan untuk mempersembahkan lagu-lagu mereka ahli-ahli kumpulan kompang ini akan berpakaian seragam yakni berbaju kurung putih dan bertkain sarung merah pulasan serta siap pula dengan tudung kepala masing-masing.

Selain daripada memperkenalkan satu corak kebudayaan bangsa Melayu dengan adanya kumpulan kompang ini, ahli-ahli dapat juga bergaul mesra

dengan wanita-wanita luar dari kampung mereka ketika menyertai upacara-upacara tersebut di samping ianya adalah sebagai satu corak hiburan kepada para ahli kerana di dalam perkampungan yang sepi tanpa hiburan ini, hanya di malam Ahad sahaja mereka berkumpul dengan memperdengarkan lagu-lagu kumpulan kampung.

5.3 (b) Pertubuhan Wanita UMNO

Cawangan Wanita UMNO di Kampung Genuang Baru telah ditubuhkan setelah Cawangan Pemuda UMNO bertapak. Jika dilihat pada bilangan ahli-ahlinya, didapati keseluruhan wanita yang telah dewasa menjadi ahli-ahlinya. Ini amat berbeza sekali dengan bilangan keahlian di dalam PWPK yang hanya dianggotai oleh sebahagian daripada wanita di Kampung Genuang Baru. Motif penyertaan bagi sebahagian daripada ahli-ahlinya tidaklah pula dapat ditentukan kerana mereka menyertai setelah disuruh oleh suami ataupun anak. Selain daripada itu didapati kesedaran untuk berpolitik bagi sebahagian wanita itu belum lagi terdapat sebagaimana yang berlaku kepada Pemuda UMNO Cawangan Kampung Genuang Baru.

Sepanjang masa penyelidikan pengkaji, Cawangan Wanita UMNO Kampung Genuang Baru tidaklah menjalankan apa-apa kegiatan, ini adalah disebabkan mereka menyatukan kegiatan-kegiatan tersebut dengan PWPK. Ini memanglah tidak dapat dielakkan lagi kerana ahli-ahli PWPK jugalah menjadi ahli Wanita UMNO, dan pemimpin-pemimpin PWPK jugalah yang memimpin Wanita UMNO. Justeru itu kita mendapati bilangan penduduk yang kecil ini telah menimbulkan masalah bagi pemimpin-pemimpin Wanita

UMNO untuk mengasingkan kegiatan mereka daripada kegiatan PWPK.

5.3 (c) Organisasi "Kutu"

Pengkaji mendapati organisasi jenis ini kurang popular di kalangan kaum wanita di Kampung Genuang Baru. Dari 35 orang responden yang ditemui cuma 2 orang responden sahaja yang menyertai organisasi ini, inipun berkongsi dengan orang-orang luar daripada Kampung Genuang Baru, yakni organisasi ini terdapat di kawasan kediaman Estet Genuang Baru. Bayaran untuk sebulan bagi kedua-dua responden ini ialah \$10.

Mengikut kedua-dua responden, mereka menyertai organisasi "kutu" ini kerana inilah cara yang paling senang mengumpul wang dan kemudian menggunakannya untuk membeli barang-barang mewah yang dikehendaki. Bagi mereka, mengambil \$10 dari pendapatan bulanan tidak akan menjadi masalah sekiranya ini akan memberi manfaat kepada mereka akhirnya. Perlu juga diketahui bahawa kedua-dua wanita yang menyertai organisasi "kutu" ini adalah suri rumah yang bekerja di estet. Jadi tidaklah menjadi hal untuk mengambil sebahagian daripada pendapatan mereka sendiri sebagai bayaran bulanan kepada organisasi "kutu". Akan tetapi bagi lain-lain responden yang tidak menyertai organisasi ini berpendapat biarlah pendapatan mereka yang terpaksa digunakan untuk bayaran bulanan "kutu" digunakan ke arah haluan yang lain.

Justeru itu dapatlah dikatakan bahawa organisasi "kutu" ini tidaklah begitu popular dan berkembang di kalangan masyarakat pekebun

kecil getah Kampung Genuang Baru ini, tetapi mereka yang ingin menyertainya terpaksa berkongsi dengan organisasi di luar kampung yakni dengan para pekerja estet.

Dari perbincangan ini, dapatlah dikatakan bahawa selain daripada menjadi suri rumahtangga, juga menjadi pekerja estet kaum wanita masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru masih lagi mampu menyertai pertubuhan sosial yang ada dan mengikuti aktiviti-aktivitinya, khususnya aktiviti-aktiviti PWPK. Dengan menyertai pertubuhan-pertubuhan sosial ini, mereka sedikit sebanyak mendapat pengetahuan dan kemahiran yang diajar oleh tenaga pengajarnya, dan di samping itu dapat memenuhkan masa mereka dengan perkara-perkara yang menfaat.

Kesimpulannya, di dalam bidang dan kegiatan sosial ini, wanita Kampung Genuang Baru adalah berperanan sebagaimana yang disarankan oleh golongan dari aliran biologikal dan environmentalist, kerana mereka tetap berperanan di dalam hal-hal rumahtangga mereka mengendalikan tugas-tugas yang telah ditetapkan; di samping itu keadaan sosio-budaya dan alam sekitar mereka juga telah mempengaruhi mereka untuk bergerak cergas dan berpersatuan yang mana sedikit sebanyak telah memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada mereka. Disegi luarannya, kadangkala wanita memang pasif tetapi dalam hal-hal rumahtangga pula, selalunya mereka merupakan pendorong utama dalam keluarga dan bertanggungjawab terhadap segala urusan rumahtangga. Dalam hal ini, dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan dan kegiatan mereka adalah dipengaruhi oleh sistem budaya.

BAB VI

FAKTOR-FAKTOR YANG MENGGALAK DAN MENGHALANG PENGLIBATAN WANITA KAMPUNG GENUANG BARU DI DALAM SOSIO-EKONOMI

Bab-bab 4 dan 5 telah menerangkan bagaimana besarnya peranan yang dimainkan oleh kaum wanita khasnya wanita dari masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru di dalam bidang sosio-ekonomi. Walaupun sebenarnya wanita-wanita ini menjalankan dwi-peranan tetapi kemampuan mereka melibatkan diri dalam kedua-dua peranan ini adalah begitu berkesan sekali.

Berdasarkan penyelidikan pengkaji di Kampung Genuang Baru, di dapati lebih kurang 77% yang telah melibatkan diri di bidang ekonomi, sementara 23% lagi tidak langsung melibatkan diri; manakala di bidang sosial pula lebih kurang 57% melibatkan diri sementara 43% lagi tidak menyertainya (penyertaan di dalam PWPK¹ sahaja). Akan tetapi, didapati 100% responden telah menyertai Pertubuhan Wanita UMNO.

Berbagai faktor-faktor mengenai penyertaan wanita di bidang sosio-ekonomi sebagaimana yang disarankan oleh beberapa orang penyelidik telah digunakan oleh pengkaji sebagai rangka untuk menjelaskan tentang penglibatan wanita di Kampung Genuang Baru di dalam bidang ekonomi. Kreps (1976: 66) misalnya, menyarankan angkubah-angkubah penting yang mempengaruhi penyertaan dan penglibatan wanita semada berumah tangga atau tidak berumah tangga di dalam tenaga kerja, iaitu umur, taraf pelajaran,

¹ PWPK - Persatuan Wanita Pekebun Kecil

taraf perkahwinan, saiz family atau bilangan anak dan juga pendapatan suami. Walaupun begitu, Kreps juga mengakui bahawa angkubah-angkubah ini kadangkalanya tidak dapat diterima dalam masyarakat tertentu kerana telah berlakunya berbagai perubahan di dalam masyarakat tersebut semada disegi ekonomi ataupun sikap dan nilai masyarakat itu sendiri.

Sementara itu, Edmund Dahlstrom dan Rita Liljestrom (1962) di dalam "The Family of Married Women at Work" menyarankan saiz keluarga dan jumlah anak-anak, serta peningkatan taraf hidup dan keperluan anggota keluarga sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan wanita di bidang ekonomi.

Puan Mazidah Zakaria pula di dalam kerta kerjanya "Penglibatan Wanita Luarbandar Dalam Aktiviti Ekonomi: Tumpuan Terhadap Masalah Yang Dihadapi"² telah menyarankan beberapa faktor, yang mempengaruhi penglibatan wanita di bidang ekonomi; dan dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

- a. Galakan dan sokongan suami dan anggota keluarga
- b. Adanya sistem pembantu yang memadai bagi tugas-tugas rumahtangga yang mesti dilakukan oleh isteri samada dari anak atau menentu perempuan ataupun pakatan dengan jiran tetangga atau adanya nenek yang tinggal bersama, untuk menjaga anak-

² Kertas kerja ini telah dibincangkan dalam Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Wanita Islam Malaysia 1981 (lihat Majallah Wanita, Mei 1981, m.s. 44).

anak yang masih kecil semasa ibu bekerja di luar rumah.

- c. Pandangan suami terhadap penglibatan isteri, dan dalam keadaan ini suami lebih bersimpati terhadap isteri dan sedia membantu tugas-tugas rumahtangga yang harus dilakukan oleh isteri selepas bekerja di ladang atau di mana saja.
- d. Sebagai tenaga kedua yang boleh menentukan pendapatan yang dapat menyara hidup keluarga
- e. Taraf pelajaran dan bidang kemahiran yang dimiliki
- f. Perancangan dan pelaksanaan projek yang baik - banyak menitikberatkan kepada kepimpinan yang baik khususnya di kalangan kaum wanita.

Oleh kerana itu, penyelidikan pengkaji mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan wanita di Kampung Genuang Baru adalah banyak berdasarkan kepada saranan-saranan yang telah disebutkan; dan di dalam bab ini, perbincangan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi dan menghalang penglibatan wanita di dalam bidang sosio-ekonomi banyak berdasarkan saranan-saranan tersebut, di samping menambah faktor-faktor lain yang didapati dari kajian dan difikirkan sesuai untuk perbincangan ini.

6.1 Faktor-faktor Yang Menghalang Penglibatan Wanita Di dalam Bidang Sosio-Ekonomi

6.1 (a) Bidang Ekonomi

1. Pendapatan suami/keluarga

Bagi wanita-wanita di Kampung Genuang Baru sanada yang telah berumahtangga ataupun belum berumahtangga, tujuan utama melibatkan diri di bidang ekonomi iaitu untuk membantu pendapatan keluarga atau suami. Melalui cara inilah sahaja mereka mendapat labihan wang yang dapat digunakan untuk keperluan keluarga. Selalunya pendapatan suami digunakan untuk keperluan-keperluan asas seperti perbelanjaan dapur dan keluarga seharian dan perbelanjaan sekolah anak-anak, maka dengan adanya pendapatan si isteri atau si anak, maka barang-barang keperluan lain selain dari barang-barang keperluan asas akan didapati dengan mudah tanpa bersusahpayah berhutang dari jiran ataupun pokedai-pokedai. Di Kampung Genuang Baru misalnya, kebanyakan suami ataupun bapa bekerja menoreh getah di estet ataupun di ladang sendiri, (kebanyakan ladang getah penduduk kampung ini belum lagi boleh ditoreh) dan pengkaji mendapati pendapatan mereka selalunya tidak tetap yakni di musim banyak susu getahnya akan lumayanlah pendapatan mereka, dan jika berlaku sebaliknya di musim kemarau, akan merosotlah pendapatan. Oleh kerana itu dapatlah dikatakan pendapatan isteri yang bekerja ini adalah sebagai jaminan di masa hadapan yakni di masa kecemasan contohnya ketika suami atau bapa jatuh sakit. Di Kampung Genuang Baru misalnya, lebih kurang 29% kaum wanita termasuk gadis dan para isteri bekerja di estet sebagai penoreh getah.

ii. Peningkatan keperluan keluarga

Faktor ini juga berkait rapat dengan faktor pertama. Secara umumnya dikatakan bahawa kehendak manusia adalah tiada terbatas. Justeru

itu setelah barang-barang keperluan asas telah dapat dipenuhi maka satu-satu keluarga itu tentulah berhasrat untuk mendapatkan barang-barang lain pula, contohnya barang-barang mewah. Oleh itu didapati bahawa setelah taraf hidup bertambah, maka bahan-bahan keperluan keluarga kian meningkat. Oleh kerana itu, untuk memenuhi kehendak ini maka jalan penyelesaiannya ialah penglibatan isteri atau anak gadis di dalam bidang ekonomi.

Adalah didapati kebanyakan responden yang menjadikan alasan ini sebagai faktor mereka bekerja, mempunyai suami yang bersimpat dengan mereka dan bersedia untuk membantu tugas mereka di rumah ketika isteri bekerja. Seorang responden pengkaji misalnya, yang bekerja sambil sebagai tukang andam dapat menjalankan tugasnya dengan lancar dan licin kerana mendapat kerjasama dari suaminya yang bersedia mengendalikan tugas rumahtangga ketika beliau dijemput mengandam pengantin.

Peningkatan keperluan setiap anggota keluarga ini dapat di atasi dengan baik selepas isteri bekerja, di samping dapat mengelakkan dari berhutang (bagi sebahagian keluarga) dan jika berhutang pun, tidaklah terlalu berat ketika membayarnya kerana si isteri atau anak gadis akan bersama-sama menyumbangkan wang untuk membayarnya.

iii. Seiz Keluarga Atau Bilangan Anak-anak

Kebanyakan responden yang bekerja adalah mereka yang mempunyai bilangan anak-anak yang ramai. Sebagaimana kebiasaan bagi manusia yang berkeluarga, ketika anak-anak masih kecil dan di samping bilangan anggota

yang kurang, perbelanjaan keluarga masih ditahap biasa. Akan tetapi setelah anak-anak membesar tambahan pula telah ramai bilangannya, maka perbelanjaan keluarga kian bertambah dari masa kesemasa, di samping berlakunya keadaan ekonomi yang kian meningkat, padahal pendapatan suami masih ditahap lama serta tidak tetap pula. Justeru kerana itu didapati tugas menyara keluarga yang ditanggung oleh suami telah menjadi sebagai satu beban kepadanya. Maka sebagai seorang isteri atau anak gadis yang telah dewasa tentulah tidak sampai hati melihat bebanan yang terpaksa ditanggung oleh suami atau bapa seorang diri dan dengan itu mereka mengambil keputusan untuk keluar bekerja supaya dapat membantu suami atau bapa dalam menyelesaikan masalah perbelanjaan yang kian meningkat. Bagi wanita atau anak gadis yang termasuk ke dalam golongan ini, selalunya mereka mendapat galakan dan sokongan dari suami dan anggota keluarga. Dari beberapa keluarga yang telah ditemuduga oleh pengkaji terdapat beberapa orang isteri yang bersama-sama suami dan anak gadis mereka yang sama-sama bekerja sebagai penoreh getah di estet yang sama.

**iv. Dapat Memegang/menggunakan Wang Hasil
Titik Peluh Sendiri**

Umumnya setiap individu itu akan merasa gembira sekiranya dapat memegang atau menggunakan wang hasil dari pekerjaan mereka. Dalam hal ini tiada siapa yang dapat mempengaruhi mereka dalam soal membelanjakan ataupun menabung wang tersebut.

Adalah didapati keseluruhan mereka yang bekerja setelah di

temui pengkaji menceritakan bahawa sebahagian dari wang upahan mereka selalunya digunakan untuk mendapatkan barang-barang keperluan mereka sendiri seperti membeli barang kemas, alat-alat solek atau terus menabungnya, manakala sebahagian lagi akan diserahkan kepada suami atau bapa untuk keperluan keluarga.

Oleh kerana itu bagi golongan ini, dengan bekerja sahajalah mereka mendapat pendapatan sendiri dan dapat menggunakan tanpa dipengaruhi oleh orang lain.

v. Adanya Pakatan Dengan Jiran Tetangga Untuk Menjaga Anak-anak Yang Masih Kecil Ketika Ibu Bekerja

Judith Long Laws di dalam "The Seconds X - Sex Role and Social Role" (1979: 17) menyarankan bahawa "..... marriage predicts non-participation" dan "the numerosity and youth of children also predict non-participation." Akan tetapi bagi masyarakat di Kampung Genuang Baru, saranan begini agak kurang menepati realiti yang sebenar. Walaupun tidak dinafikan adanya beberapa orang dari mereka yang tidak bekerja kerana anak-anak masih kecil tetapi lebihan yang lain yakni 3/4 daripadanya keluar bekerja setelah anak-anak ini ditinggalkan di bawah jagaan jiran tetangga, nenek ataupun anak-anak perampuan mereka yang telah dewasa. Anak-anak ini akan diambil semula dari rumah jiran tetangga ini setelah ibu tersebut pulang dari kerja. Adalah didapati ibu-ibu yang tidak bekerja kerana anak-anak masih kecil ini mempunyai anak-anak yang berumur kurang dari dua tahun sementara kebanyakan ibu-ibu yang bekerja ini mempunyai anak berumur melebihi 2 tahun.

Justeru itu di dalam soal ini, seranen Laws ini agak kurang menepati realiti wanita masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru kerana perkahwinan bagi kebanyakan mereka tidak langsung menjadi halangan untuk terus bekerja.

vi. Adanya Sistem Pembantu Yang Dapat Jalankan Tugas-Tugas Rumahtangga

Bagi wanita-wanita Kampung Genuang Baru, mereka yang di dalam lingkungan separuh umur yakni antara 30 - 45 tahun adalah yang paling banyak libatkan diri di dalam bidang ekonomi. Ini adalah kerana golongan wanita ini telah mempunyai anak yang telah besar ataupun dewasa yang telah boleh diharapkan untuk menjalankan tugas-tugas rumahtangga seperti mengemas rumah, memasak, mencuci pakaian serta menjaga adik yang masih kecil. Dengan itu kebanyakan isteri-isteri ini tidaklah begitu mempunyai masalah tentang pengurusan rumahtangga berbanding dengan ibu-ibu yang masih muda, kerana telah ada pembantu yang dapat menyelesaikan tugas-tugas rumahtangga.

vii. Minat Untuk Bekerja

Laws (1979: 17) juga telah menyarankan bahawa:

"..... husband's earnings is a definite predictor as to whether a wife is employed; the lower the husband's earnings, the more likely it is that the wife will be employed."

(dipetik dari Laws (1979: 17))

Seruan ini memang tidak dapat dinafikan kerana kebanyakan isteri-isteri yang bekerja adalah dari keluarga yang suaminya berpendapatan rendah. Akan tetapi terdapat juga keluarga atau suami yang berpendapatan melebihi \$500 yang mempunyai isteri yang bekerja. Sebenarnya isteri ini memang boleh diam di rumah dengan menguruskan rumahtangga sahaja, tetapi kerana beliau telah biasa bekerja sejak gadisnya, maka setelah umur meningkat dan mempunyai anak, tetapi beliau masih bekerja kerana minat/ingin terus bekerja. Ini ditambah lagi dengan sikap beliau yang tidak suka berdiam diri tanpa melakukan sebarang kerja. Jadi untuk mengelakkan dari terasa rimas tanpa bekerja maka beliau terus membantu suami menoreh getah, tambahan pula kegiatan beliau ini digalakkan oleh suami dan anggota keluarga.

viii. Taraf Perkahwinan

Dari 35 orang responden yang telah ditemuduge, terdapat 2 orang daripadanya yang telah kematian suami, dan keadaan begini menjadikan mereka sebagai ketua keluarga yang sudah tentulah dibebankan dengan tanggungjawab menyara anggota keluarga mereka.

Puan Mazidah Zekaria di dalam kertas kerjanya di dalam Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Wanita Islam Malaysia 1981 telah menyarankan bahawa golongan yang sudah tidak bersuami lagi samada suami telah meninggal dunia, diceraikan atau ditinggalkan begitu sahaja atau suami uzur/cacat dan tidak bekerja, walau bagaimanapun terpaksa keluar bekerja kerana dengan melibatkan diri sahaja boleh menentukan pendapatan yang dapat menyara hidup anggota keluarga.

Perkara begini berlaku kepada kedua-dua responden tersebut di mana mereka sebagai ketua keluarga atau tulang belakang keluarga terpaksa bekerja untuk menyara keluarga masing-masing. Walaupun kedua-duanya mempunyai anak-anak yang telah dewasa dan juga bekerja tetapi mereka tidaklah hanya dapat berharap kepada anak-anak sahaja untuk menyara keluarga, tambahan pula anak-anak ini juga menjadi penoreh getah seperti mereka.

Justeru itu, keadaan keluarga beginilah yang mendorong wanita tersebut melibatkan diri di dalam kegiatan ekonomi.

6.1 (b) Bidang Sosial

Penglibatan kaum wanita Kampung Genuang Baru di bidang sosial pula lebih banyak menitikberatkan kepada penyertaan mereka di dalam Persatuan Wanita Pekebun Kecil (PWPK). Ini adalah kerana responden 100% nya telah menjadi ahli Pertubuhan Wanita UMNO, dan penyertaan ini dapat dikatakan berkait rapat dengan sebab-sebab politik serta untuk kemajuan masyarakat dan kampung tersebut di samping untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan lainnya. Dari 35 responden yang ditelauduganya, lebih kurang 20 orang atau 57% daripadanya sahaja yang menyertai PWPK.

1. Pengetahuan dan Kemahiran

Pada keseluruhannya, menurut mereka hanya melalui penyertaan

di dalam PWPK sahajalah mereka dapat mengaut pengetahuan dan kemahiran yang diberikan, tambahan pula kelas-kelas yang diajarkan tidak mengenakan yuran, kecualilah yuran keahlian PWPK. Walaupun kebanyakan dari mereka telah tahu menjahit tetapi ini tidak mendatangkan apa-apa kesan kerana mereka masih belum pandai memotong atau mereka pakaian.

Oleh kerana itu mereka menyertai PWPK, dengan harapan mereka akan mendapat kemahiran di dalam potong-memotong pakaian, hal-hal kait mengait dan berbagai kemahiran lagi, di mana kemahiran ini dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang lebih berfaedah seperti mengambil upah menjahit pakaian dan sebagainya lagi.

Selain daripada itu, pegawai-pegawai RISDA, KEMAS, KESIHATAN selalu mengadakan ceramah-ceramah mengenai hal ehwal semasa, hal-hal urusan rumahtangga, soal-soal pemakanan, perancang keluarga dan sebagainya lagi. Melalui ceramah-ceramah inilah banyak pengetahuan yang diperolehi oleh mereka dan dapat digunakan sebagai panduan di dalam urusan rumahtangga mereka.

Justeru itu, didapati pengetahuan dan kemahiran begini begitu perlu di dalam menghadapi kehidupan mereka, dan dari sebab-sebab inilah mereka beramai-ramai menyertai PWPK.

ii. Pergaulan

Tidak pula dinafikan bahawa tanpa menyertai PWPK, mereka masih lagi dapat bergaul dan bercampur dengan jiran-jiran. Akan

tetapi dari temubual pengkaji, dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan dari mereka menyatakan bahawa mereka dapat bergaul lebih mesra dengan menghadiri kelas-kelas PWPK. Apa yang dikatakan mereka sebenarnya dirasakan sendiri oleh pengkaji kerana kemesraan itu timbul ketika mereka sama-sama memasak (kelas masakan) dan juga ketika belajar menjahit. Keadaan begini ditambah pula dengan jarak rumah di Kampung Genuang Baru ini agak berjauhan antara satu sama lain dan mereka selalunya dapat berjumpa ketika di ladang ataupun di majlis-majlis kenduri-kendara.

Justeru itu, didapati di samping menyertai PWPK kerana mahu mendapatkan pengetahuan dan kemahiran, pergaulan yang lebih rapat dan mesra dapat disemaikan melalui PWPK. Selain daripada itu dapat dikatakan bahawa wanita yang aktif di dalam bidang sosial di Kampung Genuang Baru kebiasaannya mempunyai latarbelakang keluarga yang agak memuaskan.

6.2 Faktor-faktor yang menghalang penglibatan Wanita Di dalam Bidang Sosio-ekonomi

1. Taraf Pelajaran

Adalah didapati dari penyelidikan pengkaji, taraf pelajaran kaum wanita masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru ini adalah rendah (lihat jadual 3.3 (c)(i) dan (ii)). Dari 35 orang responden yang ditemuduga didapati paling tinggi pelajarannya adalah sehingga tingkatan tiga sahaja. Pencapaian taraf pelajaran yang rendah ini bagaimanapun telah menimbulkan beberapa akibat yang dapat dirumuskan seperti berikut:

- a. Mereka kurang menaruh penerangan-penerangan mengenai projek ekonomi yang menguntungkan, di samping sukar untuk menerima penerangan-penerangan semada mengenai kursus-kursus kemahiran dan pengetahuan yang diberikan. Dari penyelidikan pengkaji di Kampung Genuang Baru, akibat seperti ini telah berlaku, di mana seorang responden menyatakan beliau tidak dapat menyertai PWPK kerana beliau tidak dapat membaca dan menulis dengan lancar. Oleh kerana kelas-kelas jahitan dan masak mengkehendaki pelajar-pelajarnya menulis dan melukis dengan baik maka responden ini mengambil keputusan tidak menyertainya. Lagi pula beliau merasa malu dengan kekurangan yang terdapat pada dirinya.
- b. Wanita-wanita ini lekas merasa rendah diri dan dengan itu lebih pasif dan bersikap lekas menyerah, kurang motivasi untuk memperbaiki keadaan dan kedudukan, juga lebih cepat terpedaya dan dipercayai perkara-perkara yang karut.
- c. Wanita juga terpaksa menerima kerja yang pendapatannya rendah walaupun kerja-kerja yang dilakukannya sebenarnya begitu membosankan kerana sifat pekerjaan yang bercorak "monotonous." Justeru itulah didapati kebanyakan wanita-wanita ini bekerja sebagai penoreh getah di estet-estet getah yang terdapat di sekitar Kampung Genuang Baru ataupun bekerja sebagai pembersih kebun-kebun getah atau kelapa sawit yang

baru ditangan. Adalah didapati kebanyakan mereka menyatakan kerja-kerja ini sudah membosankan (kerana telah lama bekerja) tetapi terpaksa diteruskan juga kerana ingin membantu suami menambah pendapatan keluarga.

ii. Umur

Umumnya dapat dikatakan bahawa wanita-wanita yang banyak melibatkan diri dalam bidang sosio-ekonomi di Kampung Genuang Baru adalah mereka yang berumur antara 20 - 50 tahun. Akan tetapi secara khususnya, wanita-wanita yang menyertai PWPK pula adalah mereka yang berumur antara 20 - 35 tahun.

Justeru itu, jika dilihat kepada katagori umur tersebut, maka dapat dikatakan bahawa golongan yang telah berumur tidak gemar menyertai sebarang aktiviti sosio-ekonomi. Ini berkesungkinan kerana memikirkan bahawa mereka telah berumur dan seringkali uzur pula. Akan tetapi bagi yang berumur antara 20 - 50 tahun, yang masih cergas dan sihat, tentu sahaja dapat menjalankan kegiatan sosio-ekonomi dengan lebih lancar dan berkesan.

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa kaum wanita masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru telah dapat menjalankan peranan mereka di bidang sosio-ekonomi dengan begitu berkesan sekali. Walaupun terdapat beberapa masalah yang boleh menghalang mereka melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan ini tetapi secara bijaksana mereka cuba menyelesaikannya dan kegiatan yang mereka lakukan berjalan dengan lancar dan berkesan. Justeru itu sedikit sebanyak kaum wanita di Kampung Genuang Baru ini telah dapat menolong menstabilkan kehidupan mereka sekeluarga.

BAB VII

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Perbincangan di dalam kedua-dua bab sebelumnya mengenai peranan dan kegiatan wanita di bidang ekonomi dan sosial memberikan kesimpulan kepada kita bahawa betapa besarnya peranan yang mesti atau patut dimainkan oleh kaum wanita mengikut tempat dan situasi tertentu. Penglibatan wanita-wanita ini di dalam kegiatan sosio-ekonomi jelas menunjukkan bahawa peranan wanita tidak semestinya berdasarkan pada sifat "biological"nya sahaja tetapi ini dapat pula diubahsuai berdasarkan pada aspek "environmental"nya, yakni bila dikaitkan dengan kedudukan ekonomi mereka.

Penyertaan kaum wanita di bidang ekonomi sedikit sebanyak telah dapat memperbaiki taraf hidup keluarga. Sekiranya semua anggota keluarga hanya meletakkan seluruh pergantungan ekonomi rumahtangga pada hasil pendapatan suami semata-mata, sudah tentulah akan menimbulkan ketidakstabilan di dalam ekonomi rumahtangga kerana seringkali pendapatan suami sahaja tidak mencukupi untuk membiayai seluruh perbelanjaan keluarga; apatah lagi lebih separuh daripada suami-suami wanita yang ditemui di Kampung Genuang Baru ini (20 orang lihat bab 4) adalah mereka yang di panggil sebagai golongan miskin iaitu berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan. Justeru itu sebagai satu jalan untuk menstabilkan ekonomi rumahtangga, maka wanita ini sama-sama melibatkan diri di dalam bidang ekonomi melalui samada kerja tetap ataupun kerja sambilan.

Antara penglibatan di bidang ekonomi dan sosial, terdapat satu corak perbezaan yang agak ketara. Wanita-wanita yang terlibat di bidang ekonomi dapat dikatakan dari golongan muda hinggalah ke golongan yang berumur kecualilah beberapa orang yang uzur. Tetapi penglibatan di bidang sosial pula hanya atau lebih banyak diceburi oleh golongan muda, yang dapat pengkaji sifatkan sebagai golongan yang gemar bergaul dan mempelajari pengetahuan baru. Dari sini dapatlah dikatakan bahawa umur kadangkalanya menjadi sebab-sebab penting kurangnya penglibatan wanita-wanita ini di dalam berbagai kegiatan. Walaupun di bidang ekonomi, umur kurang menimbulkan masalah untuk sebarang kegiatan asalkan tubuh badan sihat, tetapi di dalam konteks komuniti yang dikaji ini, salah satu sebab utama kurangnya penglibatan wanita di dalam kegiatan sosial khususnya di dalam persatuan-persatuan formal ialah umur.

Walaupun di antara wanita-wanita ini adanya golongan yang aktif di bidang ekonomi dan sosial tetapi masih juga terdapat antara mereka golongan yang hanya menjalankan peranan wanita yang ideal iaitu sebagai suri rumahtangga. Golongan ini menyatakan bahawa kehadiran anak-anak kecil dan usia yang lanjut adalah sebab utama yang menghadkan penglibatan dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa orang yang mampu melibatkan diri secara aktif di dalam pergerakan sosial, dan ini menunjukkan bahawa kaum wanita di Kampung Genuang Baru ini masih mampu untuk aktif di dalam pergerakan sosial walaupun tidak di bidang ekonomi.

Walaupun pada hakikatnya, kebanyakan isteri-isteri atau gadis-gadis yang suami/bapa mereka berpendapatan rendah bekerja, akan tetapi didapati golongan wanita yang mana suami mereka berpendapatan lumayan masih ingin bersama-sama suami bergiat di bidang ekonomi, kerana menurut mereka bekerja telah menjadi darah daging dan jika tidak dilakukan mereka akan merasa jemu atau bosan. Jenis pekerjaan yang dilakukan oleh golongan ini bergantung kepada keadaan kesihatan, jika telah agak tua dan kadangkalanya kurang sihat maka ringanlah sedikit pekerjaan tersebut. Akan tetapi jika badan masih kuat dan tidak adanya gangguan kesihatan, maka agak beratlah kerja yang dilakukan.

Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa di dalam konteks kaum wanita yang dikaji ini; adanya kebenaran kedua-dua saranan yang membezakan peranan wanita berdasarkan aspek-aspek "biological" dan "environmental."

Hampir 1/3 (29%) daripada responden yang dikaji, yang memainkan peranan wanita ideal yakni sebagai suri rumahtangga telah menepati saranan aliran yang berorientasikan biologi. Golongan ini hanya menguruskan tugas-tugas rumahtangga dan keluarga tanpa melibatkan diri dalam sanada kegiatan ekonomi ataupun pergerakan sosial, kecuali beberapa orang yang dapat dikatakan masih mampu bergiat di dalam pergerakan sosial.

Sementara itu, hampir 2/3 (61%) responden pula adalah mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sanada menjalankan kerja tetap ataupun sambilan. Bilangan mereka ini sanada menjadi penoreh

getah di estet, di ladang getah sendiri, berniaga ataupun berkebun sayur, di mana cara ini dapat membantu suami menambah pendapatan keluarga. Kegigihan golongan ini untuk sama-sama bertungkus-lumus di bidang ekonomi adalah jelas di mana mereka sanggup menumpangkan anak kecil di rumah-rumah jiran dengan membayar seberapa jumlah wang - kesanggupan dan pengorbanan mereka inilah menunjukkan kegigihan mereka membantu suami yang selalunya dianggap sebagai "the sole-breadwinner." Kepenatan dalam menjalankan pekerjaan tersebut tidak mereka endahkan kerana selesai sahaja kerja-kerja ini, mereka perlu pula kembali ke rumah sebagai seorang suri rumahtangga yang bertanggungjawab terhadap rumahtangga dan keluarganya. Dari itu dapatlah dikatakan bahawa wanita akan memainkan banyak peranan yang kadangkalanya berat ataupun ringan mengikut tempat dan situasi. Walaupun selalunya kaum lelaki merupakan ketua rumahtangga dan tulang belakang keluarga tetapi di dalam konteks kaum wanita yang dikaji ini, terdapat dua orang wanita yang kematian suami bertanggungjawab sebagai ketua keluarga dan tulang belakang keluarganya di dalam segala hal, di mana tugas ini merupakan tugas yang agak berat. Dari penjelasan ini maka dapatlah dikatakan bahawa kaum wanita telah dapat menjalankan berbagai peranan mengikut keadaan dan situasi peranan tersebut dimainkan.

Dalam beberapa hal pula, kaum wanita kadangkala adalah sebagai "decision-maker" di dalam keluarga. Ini dapat dijelaskan lagi dengan saranan Holter di dalam Mednick (1975) iaitu:

"Women are to-day probably the main-decision-makers in large number of families in which the father is

rather absent and diffuse figure."

(lihat Mednick, 1975: 12)

Hal ini kerap kali berlaku di dalam kebanyakan keluarga kerana suami tidak selalunya berada di rumah kerana bertanggungjawab terhadap kerja-kerjanya. Keadaan seperti ini berlaku di mana-mana sahaja samada mereka yang menetap di bandar ataupun luarbandar. Oleh kerana itulah, wanita yang menjalankan peranan isteri atau ibu ini akan menghadapi saat-saat di mana mereka akan menjadi sebagai "decision-maker" ke atas hal-hal yang mungkin timbul secara mendadak. Bagi konteks komuniti yang di kaji ini pula, wanita kadangkalanya menjadi "decision-maker" ke atas beberapa hal dan pendapat mereka sentiasa diterima di dalam membuat sebarang keputusan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan keluarga. Kedua-dua orang wanita yang kematian suami, yang ditemui oleh pengkaji merupakan "the main decision-maker" di dalam keluarganya.

Justeru itu dapatlah dikatakan bahawa peranan kaum wanita di dalam komuniti penduduk Kampung Genuang Baru ini adalah ditentukan oleh kedua-dua aliran pemikiran baik dari aspek "biological" ataupun "environmental." Disegi sosialnya, mereka tetap menjalankan tanggungjawab dan peranan sebagai ibu dan isteri, di samping melibatkan diri di dalam pergerakan sosial; manakala di segi ekonominya, mereka tetap sama-sama berganding bahu bekerja untuk memperbaiki taraf hidup keluarga.

Naka berdasarkan kepada perbincangan dalam bab-bab yang lepas; oleh kerana kaum wanita di Kampung Genuang Baru berpendidikan rendah (lihat jadual 3.3 (c)(i) dan (ii)) dan disebabkan pendapatan

suami juga rendah (lihat jadual 4.3 (a)), maka kaum wanita ini hanya dapat menceburkan diri di dalam ekonomi pertanian sahaja. Justeru itu, kerana sebab-sebab kemiskinan inilah, maka mereka telah memainkan peranan penting dalam bidang pertanian, berbanding dengan kaum wanita di kawasan bandar.

Dalam hal ini, kaum wanita di Kampung Genuang Baru telah memainkan peranan sebagaimana yang disarankan oleh golongan "environmentalist," di mana faktor sosio-budaya dan alam sekeliling telah mempengaruhi mereka dalam kegiatan yang akan dijalankan.

Walaupun begitu, pengamalan perancang keluarga sebagaimana yang disarankan oleh Holter dan Wladis (lihat bab 2) masih belum lagi luas sambutannya di kalangan penduduk kampung khususnya para isteri, kerana pengkaji mendapati kebanyakan responden yang telah berkahwin mempunyai bilangan anak yang ramai (lihat jadual 3.3 (d)(i)). Holter dan Hoffman juga telah menyarankan bahawa pencapaian pelajaran boleh mengubah peranan wanita tetapi berdasarkan kajian di kampung ini didapati perubahan peranan oleh wanita-wanita ini tidaklah menepati sebagaimana saranan Holter dan Hoffman kerana dari bab 3 (lihat jadual 3.3 (c)(i) dan (ii)) telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai pendidikan yang rendah.

Justeru itu, berdasarkan peranan dan penglibatan kaum wanita Kampung Genuang Baru, adalah didapati bahawa bukanlah berdasarkan pencapaian pelajaran dan perubahan teknologi seperti yang disarankan oleh Holter, Hoffman dan Wladis yang menentukan perubahan di dalam peranan wanita. Bagi wanita-wanita ini faktor sosio-budaya telah mempengaruhi

mereka dalam kebanyakan kegiatan yang mereka lakukan. Maka telah jelas samasekali faktor-faktor ini membezakan corak penglibatan antara di Barat sebagaimana kajian-kajian Hoiter, Hoffman dan Wladis dengan kaum wanita di Kampung kajian. Di atas dasar pendidikan yang rendah, masalah kemiskinan yang dihadapi, maka kaum wanita di kampung kajian hanya dapat bergiat di bidang ekonomi pertanian, berbanding dengan kaum wanita di Barat yang dapat menceburkan diri dalam berbagai corak pekerjaan kerana di negara yang maju ini telah berlakunya berbagai perubahan teknologi, meluasnya pengamalan perancang keluarga dan darjah pencapaian pelajaran yang tinggi, di mana keadaan ini telah mempengaruhi corak penglibatan mereka di bidang ekonomi dan sosial.

Persatuan yang disinkan oleh pihak RISDA juga tidak dapat di nafikan telah mempengaruhi dan meningkatkan penglibatan mereka di bidang sosio-ekonomi. Pihak RISDA telah banyak memberikan bantuan dan panduan dari berbagai segi contohnya, kemajuan yang dicapai oleh Persatuan Wanita Pekabun Kecil Kampung Genuang Baru adalah berdasarkan panduan dan bantuan dari pihak RISDA di samping pihak KEMAS. Ini tidak termasuk lagi bantuan dan panduan yang diberikan oleh pihak RISDA di dalam hal-hal ekonomi pertanian getah di mana keseluruhan penduduk mengakui bahawa dengan menyertai projek-projek RISDA, keadaan atau ekonomi keluarga adalah jauh lebih baik daripada sebelumnya, samada disegi pengurusan ataupun pasaran getah serta juga pendapatan bulanan. Selain daripada itu dengan adanya penglibatan dari pihak RISDA dan KEMAS di dalam kelas-kelas Urusan Rumah tangga PWPK, sedikit sebanyak pengetahuan dan kemahiran

telah dapat disalurkan kepada kaum wanita Kampung Genuang Baru. Ini menunjukkan bahawa penglibatan pihak RISDA di kampung kajian telah mendorong berlakunya perubahan sikap ke atas masyarakat pekebun kecil getah Kampung Genuang Baru.

Walaupun begitu, tidak semua wanita yang melibatkan diri di bidang ekonomi dan sosial. Ini adalah disebabkan oleh masalah-masalah atau hal-hal tertentu yang akan mereka hadapi sewaktu menjalankan pekerjaan tersebut. Adalah juga dirasakan bahawa kurangnya penglibatan di bidang ekonomi ini kerana tiada terdapatnya "outlet" atau bidang-bidang kerja lain yang membolehkan mereka bergiat cergas di dalam lapangan-lapangan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Selain daripada itu kurangnya pelajaran dan masalah kemiskinan juga telah menghalang penceburan mereka di dalam bidang-bidang pekerjaan. Sebagaimana yang dapat dilakukan oleh wanita-wanita di negara perindustrian yang pencapaian taraf pelajaran mereka lebih tinggi.

Neka sebagai rumusnya dapatlah dikatakan bahawa kaum wanita di mana-mana sahaja semula di bandar ataupun di luarbandar telah, sedang dan akan memainkan berbagai peranan mengikut tempat dan situasi masing-masing.

BIBLIOGRAFI

1. Taks Rajukan
2. Sellitz, Claire; Research Methods in Social Relations, Revised one-volume edition, New York, 1959
2. Festinger, L.A. Katz D.; Research Methods in the Behavioral Sciences, Holt, Rinehart and Winston Inc. U.S.A., 1953 ournal
3. Friedl, Ernestine; Women and Men: An Anthropologist's View, Holt, Rinehart and Wiston New York, 1975
4. Seward, G.H and Williamson, R.C. (eds); Sex Roles in Changing Society, Random House Inc., New York, 1970
5. Laws, Judith Long; The Second X: Sex Role and Social Role, Elsevier North Holland Inc., New York, 1975
6. Bealer, R.C, Willits, F.K and Kurlesky, W.P.; The Naming of "Rurality" in American Society: Some Implications of Alternative Definitions, Journal of Rural Sociology, Vol. 30, 1975
7. Huber, Joan (eds); Changing Women in a Changing Society, University of Chicago Press, 1964
8. Kreps, Juanita M.; Women and the American Economy: A look to the 1980s, The American Assembly Columbia University, 1976
9. Darling, Martha; The Role of Women in the Economy, Organisation for Economic Cooperation and Development, France, 1975
10. Sullerot, Evelyne; Women, Society and Culture, Weidenfield and Nicolson, 1971
11. Mednick, M.T.S. (eds); Women and Achievements: Social and Motivational Analyses, Hemisphere Pub. Corp., 1975
12. Zakiah Daradjat; Peranan Wanita Islam, Penerbitan Aswad, 1979
13. Banton, M.P.; Roles, An Introduction to the Study of Social Relations, (London) Tavistock Publications (1965)
14. Mac Iver, R.H. and Page, C.H.; Society: An Introductory Analysis, London, Mac Millan (1950)

15. Swift, H.G.; Malay Peasant Society In Jelebu, (London)
University of London, The Athlone Press, 1965
16. Firth, Rosemary; Housekeeping Among Malay Peasants - 2nd ed.,
(London) The Athlone Press (1966)
17. Negara Kita; Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-Dasar Perlembagaan,
Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur, 1980
18. Wallace, W.L.; Sociological Theory, Heinemann Educational
Books Ltd., 1969

ii. Dissertasi, Kertas Kerja Dan Artikel

1. Khadijah Hj. Muhammad; Wanita Melayu dan Pekerjaan, Dissertasi M.A.,
Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
2. Rafidah Abdul Aziz; Women Workers in the Rural Areas (1964) Kertas
Kerja ini telah dibentangkan di dalam Sidang Pleno
Seminar Biro Wanita UMNO 1964
3. Mazidah Zakaria; Penglibatan Wanita Luarbandar Dalam Aktiviti Ekonomi
Tumpuan Terhadap Masalah Yang dihadapi; Majallah
Wanita Mei 1981 - Kertas Kerja ini telah dibentangkan
dalam Muktamar Ketiga Pertubuhan-pertubuhan Wanita
Islam Malaysia 1981
4. Azisah Kassim; Wanita dan Perkahwinan, Majallah Wanita April 1978